

CITRA WANITA DALAM HARGA SEBUAH MARUAH
KARYA AZIZI HAJI ABDULLAH APLIKASI KRITIKAN
FEMINISME

AINA SYAFIQAH BINTI KARIM
C18A0025

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**CITRA WANITA DALAM HARGA SEBUAH MARUAH KARYA AZIZI HAJI
ABDULLAH APLIKASI KRITIKAN FEMINISME**

Aina Syafiqah binti Karim

C18A0025

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat memperolehi
ijazah Sarjana muda Pengajian Warisan dengan kepujian**

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

2021

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____

SULIT


(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.


Tandatangan


Tandatangan Penyelia

980607-11-5442

No. Kad Pengenalan

Tarikh : 14 Februari 2022

DR. NASIRIN BIN ABDILLAH

Nama Penyelia

Tarikh : 21/2/2022

CITRA WANITA DALAM *HARGA SEBUAH MARUAH* KARYA AZIZI HAJI

ABDULLAH APLIKASI KRITIKAN FEMINISME

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat citra wanita dalam *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah. Citra wanita merupakan suatu gambaran atau imej yang melambangkan peribadi wanita yang menarik bertujuan untuk mengangkat kedudukan wanita khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu melalui penulisan novel. Skop kajian ini adalah meliputi teks novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah. Oleh itu, teori feminisme oleh Elaine Showalter 1979 diaplikasikan dalam kajian ini dilihat dari perspektif kritik feminisme iaitu penulisan karya lelaki yang menulis cerita mengenai wanita. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif yang terdiri daripada kaedah kepustakaan dan sumber internet. Terdapat tiga objektif yang dikemukakan iaitu mengenalpasti tanggungjawab yang dilaksanakan di dalam novel *Harga Sebuah Maruah*, menganalisis citra wanita yang digunakan dalam novel *Harga Sebuah Maruah*, dan menganalisis prinsip kritikan teori feminisme dalam novel *Harga Sebuah Maruah*. Justeru, kajian ini penting untuk mendalami dan mengenali karya Azizi Haji Abdullah terutama novel *Harga Sebuah Maruah* yang dikaji dari sudut Teori Feminisme dan ia bercakap berkaitan isu penindasan terhadap golongan wanita. Hal ini dikatakan demikian kerana watak utama yang ditonjolkan ini memaparkan keupayaan dan kehebatan seseorang wanita dalam mempertahankan hak mereka. Seperti yang kita ketahui bahawa

kaum wanita sering dianggap lemah oleh masyarakat. Justeru itu, hasil kajian mendapati bahawa novel ini telah berjaya menonjolkan keupayaan yang dimiliki oleh kaum wanita juga setanding dengan golongan lelaki.

Kata kunci: Citra Wanita, Novel, Harga Sebuah Maruah, Azizi Haji Abdullah, Teori Feminisme



**THE IMAGE OF WOMEN IN THE “HARGA SEBUAH MARUAH” BY AZIZI HAJI
ABDULLAH APPLICATION OF FEMINIST CRITIQUE**

ABSTRACT

This study was conducted to look at the image of women in the “Harga Sebuah Maruah” by Azizi Haji Abdullah. The image of a woman is a picture or image that symbolizes the personality of an attractive woman in order to elevate the position of women, especially among the Malay community through the writing of novels. The scope of this study is to cover the text of the novel Harga Sebuah Maruah by Azizi Haji Abdullah. Thus, the theory of feminism by Elaine Showalter 1979 applied in this study is seen from the perspective of feminism criticism i.e. the writing of male works that write stories about women. The method used in this study is a qualitative method consisting of library methods and internet resources. There are three objectives presented namely to identify the responsibilities implemented in the novel Price of a Dignity, to analyze the image of women used in the novel Price of a Dignity, and to analyze the principles of feminist theory critique in the novel Price of a Dignity. Therefore, this study is important to deepen and know the work of Azizi Haji Abdullah, especially the novel Harga Sebuah Maruah which is studied from the perspective of Feminist Theory and it talks about the issue of oppression against women. This is said to be so because this featured main character displays a woman’s ability and prowess in defending their rights. As we know that women are often considered weak by

society. Therefore, the results of the study found that this novel has succeeded in highlighting the abilities possessed by women are also comparable to men.

Keywords: Image of women, novels, Harga Sebuah Maruah, Azizi Haji Abdullah, feminist theory



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan segala pujian yang selayaknya bagi Allah SWT, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Dr. Nasirin bin Abdillah, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Selaga bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik.

Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, Karim bin Haron dan Sabariah binti Mustaffar yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

KANDUNGAN

| | |
|------------------|-----|
| Pengesahan Tesis | i |
| Abstrak | ii |
| Abstract | iv |
| Penghargaan | vi |
| Kandungan | vii |

BAB 1 PENGENALAN

| | | |
|-----|-----------------------|----|
| 1.0 | Pengenalan Kajian | 1 |
| 1.1 | Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.2 | Pernyataan Masalah | 4 |
| 1.3 | Persoalan Kajian | 6 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 6 |
| 1.5 | Kepentingan Kajian | 7 |
| 1.6 | Skop Kajian | 7 |
| 1.7 | Metodologi Kajian | 8 |
| 1.8 | Istilah Berkaitan | 9 |
| | 1.8.1 Novel | 9 |
| | 1.8.2 Ginokritik | 9 |
| 1.9 | Kesimpulan | 10 |

BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS

| | | |
|-----|--|----|
| 2.0 | Pengenalan | 11 |
| 2.1 | Citra Dan Wanita | 11 |
| | 2.1.1 Kesan Psikologi Terhadap Wanita | 12 |
| | 2.1.2 Masalah Wanita | 15 |
| | 2.1.3 Nilai Positif Dalam Watak Wanita | 17 |

| | | |
|-------|--|----|
| 2.1.4 | Kejayaan Wanita Dalam Bidang Ekonomi | 20 |
| 2.1.5 | Wanita Dan Kesenian | 21 |
| 2.1.6 | Keistimewaan Wanita Minangkabau | 22 |
| 2.1.7 | Citra Perempuan Berhubung Dengan Tuhan | 23 |
| 2.2 | Penakulan Novel Harga Sebuah Maruah | 24 |
| 2.2.1 | Martabat Wanita Diangkat Setanding Kaum Lelaki | 24 |
| 2.3 | Mengenal Azizi Haji Abdullah | 25 |
| 2.3.1 | Pemikiran Kreatif Pengarang | 25 |
| 2.3.2 | Persoalan Masalah Kaum Melayu | 26 |
| 2.3.3 | Impak Perubahan Sosial | 27 |
| 2.4 | Feminisme Dan Wanita | 28 |
| 2.4.1 | Perjuangan Wanita | 29 |
| 2.4.2 | Aspek Bahasa Dan Feminisme | 30 |
| 2.4.3 | Unsur Feminisme Dalam Pantun Melayu | 31 |
| 2.4.4 | Fenomena Sosial Terhadap Wanita | 31 |
| 2.4.5 | Feminisme Dalam Filem | 33 |
| 2.4.6 | Perspektif Feminisme Mengikut Pemikiran Islam | 34 |
| 2.4.7 | Persepsi Terhadap Wanita | 35 |
| 2.5 | Kesimpulan | 36 |

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|---------|--------------------|----|
| 3.0 | Pengenalan | 37 |
| 3.1 | Reka Bentuk Kajian | 38 |
| 3.2 | Kaedah Kajian | 38 |
| 3.2.1 | Kaedah Kualitatif | 38 |
| 3.2.1.1 | Kaedah Kepustakaan | 39 |
| 3.2.1.2 | Sumber Internet | 40 |
| 3.3 | Penerapan Teori | 40 |
| 3.3.1 | Teori Feminisme | 41 |
| 3.4 | Teori Konseptual | 51 |

| | | |
|-----|------------|----|
| 3.5 | Kesimpulan | 52 |
|-----|------------|----|

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-------|---|----|
| 4.0 | Pengenalan | 53 |
| 4.1 | Tanggungjawab Yang Dilaksanakan Dalam Novel Harga Sebuah Maruah | 54 |
| 4.1.1 | Tanggungjawab Terhadap Diri Sendiri | 54 |
| 4.1.2 | Tanggungjawab Terhadap Keluarga | 57 |
| 4.1.3 | Tanggungjawab Terhadap Masyarakat | 60 |
| 4.2 | Citra Wanita Dalam Harga Sebuah Maruah | 64 |
| 4.2.1 | Perjuangkan Hak Dan Kepentingan Wanita Dalam Masyarakat | 64 |
| 4.2.2 | Pendirian Tersendiri Dalam Menyara Keluarga | 66 |
| 4.2.3 | Keberanian Untuk Bersuara | 69 |
| 4.2.4 | Penggunaan Bahasa Halus Dan Sopan | 70 |
| 4.2.5 | Keperibadian Yang Menawan | 72 |
| 4.2.6 | Kecekalan Wanita Melayu | 74 |
| 4.3 | Prinsip Kritikan Teori Feminisme Dalam Harga Sebuah Maruah | 76 |
| 4.3.1 | Biologi | 76 |
| 4.3.2 | Pengalaman | 78 |
| 4.3.3 | Psikologi | 81 |
| 4.3.4 | Sosial | 83 |
| 4.4 | Kesimpulan | 85 |

BAB 5 KESIMPULAN

| | | |
|-----|------------------|----|
| 5.0 | Pengenalan | 86 |
| 5.1 | Rumusan Kajian | 87 |
| 5.2 | Implikasi Kajian | 88 |

5.3 Cadangan
RUJUKAN

89
90



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN KAJIAN

Karya sastra terhasil daripada kreativiti yang terkandung dalam bahasa yakni mempunyai makna yang tersirat dalam pengalaman batin serta imaginasi yang dimiliki oleh seorang pengkarya. Selain itu, karya sastra juga adalah suatu hasil bentuk pekerjaan seni yang menjadikan manusia sebagai objek utama dalam kehidupan harian yang dijalani. Hal ini dikatakan demikian, kerana ianya mengetengahkan perasaan batin seseorang diluahkan melalui bahasa yang memberi gambaran mengenai cerminan kehidupan, wawasan pengarang, imaginasi pengarang yang tidak mempunyai kaitan dengan dunia realiti sebenar kehidupan dan sebagainya. Oleh itu, antara karya sastra yang menjadi pilihan masyarakat pada masa kini adalah novel.

Novel merupakan hasil ciptaan seorang pengarang yang mengandungi cerita di dalamnya adalah bertujuan sebagai wadah hiburan kepada pembaca. Namun begitu, dalam sesebuah novel yang dihasilkan tidak jarang yang menjadikan wanita sebagai tokoh utama. Seperti yang kita ketahui bahawa kebanyakan novel yang diterbitkan menjadi salah satu fenomena sosial memaparkan kisah mengenai wanita sebagai watak utama dalam sesebuah novel. Terdapat pelbagai kisah mengenai wanita yang diceritakan mengenai kisah

perjuangan mahupun penderitaan seorang wanita di dalam novel. Citra merupakan suatu gambaran mengenai ciri-ciri yang dimiliki oleh seseorang membuatkan dirinya menonjol. Oleh itu, citra wanita pula adalah sesuatu yang menarik untuk diperkatakan. Hal ini dikatakan demikian, kerana citra wanita telah membuktikan bahawa ianya mampu mengangkat martabat seorang wanita seiring dengan sifat kegigihan dan keberanian yang berada dalam diri seseorang wanita bagi memastikan kehidupannya berjalan dengan baik.

Oleh itu, salah satu karya sastera yang memaparkan citra wanita antaranya ialah novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah yang merupakan seorang pengarang yang tertarik dalam membincangkan tentang wanita dalam dunia sastera. Novel ini sangat menarik untuk dikaji dan diteliti kerana di dalam novel ini telah mempamerkan perjuangan seorang wanita yang bertungkus lumus mempertahankan sawah padinya daripada diambil oleh pihak berkuasa bagi tujuan pembangunan. Justeru itu, kritikan feminisme amat sesuai digunakan bagi mengkaji novel tersebut.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Citra merupakan suatu gambaran atau imej yang melambangkan peribadi seseorang yang menarik berdasarkan ciri-ciri yang dapat menonjolkan keindahan sesuatu novel. Citra dalam karya sastera berperanan sebagai wadah dalam memberi penerangan bagi menyampaikan gambaran mental terhadap sesuatu yang dialami membawanya ke dalam dunia yang nyata. Selain itu, citra juga menampilkan fikiran mengenai emosi dalam masa yang singkat serta hasil daripada penggabungan kepelbagaian idea (Pound dalam Wellek,

1990: 237-239). Citra wanita yang terdapat dalam karya sastra juga amat sesuai untuk dijadikan sebagai bahan kajian. Hal ini dikatakan demikian, kerana kajian yang dilakukan akan mengemukakan pandangan mengenai wanita sebagaimana peranan kaum wanita dalam kalangan masyarakat serta potensi yang dimiliki oleh seseorang wanita mengenai kuasa dalam dunia karya sastra (Ruthven, 1984: 24).

Oleh itu, citra wanita yang ditonjolkan dalam sesebuah novel adalah bertujuan untuk mengangkat kedudukan wanita khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu. Seperti yang kita ketahui bahawa dunia sastera merupakan salah satu cabang perkembangan dunia penulisan dimana pemikiran yang radikal dapat memaparkan serta menonjolkan hakikat sebenar isu wanita yang sering diperkatakan. Hal ini dikatakan demikian, kerana karya sastera yang diterbitkan seperti novel adalah hasil daripada kreativiti mahupun pengetahuan yang mendalam dalam sesebuah bidang yang menjadikan pengkarya mempunyai banyak idea daripada pengalaman yang diperolehi terutamanya melibatkan kehidupan masyarakat pada masa kini.

Sebagaimana novel *Harga Sebuah Maruah* (2007) karya Azizi Haji Abdullah yang mengetengahkan karya mengenai citra wanita sekaligus dapat mengubah persepsi terhadap golongan lelaki khususnya mengenai kehebatan wanita melalui watak wanita yang ditonjolkan dalam novel tersebut. Melalui novel ini yang berkisarkan perjuangan seorang wanita kampung dalam mempertahankan dan memperjuangkan hak mereka dalam status pemilikan sawah padi dari diambil oleh pihak penguatkuasa bagi tujuan pembangunan. Peranan watak utama iaitu seorang wanita yang sangat tekad dalam memperjuangkan hak mereka sebagai seorang petani mempamerkan kesanggupannya untuk berkorkan demi mempertahankan maruah mereka. Hal ini dikatakan demikian, kerana melalui sawah padi

itulah menjadi punca pendapatan mereka dimana hasil yang diperolehi adalah bertujuan untuk menyara keluarganya. Justeru itu, citra wanita yang ditonjolkan melalui watak di dalam novel telah mencerminkan unsur feminisme melalui watak Cah dan Habibah. Kamus Dewan (2005) menyatakan bahawa feminisme merupakan suatu fahaman serta gerakan dalam menuntut hak kesamarataan wanita dengan lelaki. Dimana, perjuangan ini mengfokuskan kepada kebolehan, kelebihan, keupayaan, serta pengaruh sosial yang terdiri daripada aspek yang diperjuangkan menerusi kritikan feminisme bagi menentukan status kedudukan bagi golongan wanita dan lelaki. Seajar dengan pendefinisian feminisme iaitu Zaitul Azma Zainon Hamzah (2007) yang merujuk kepada penekanan dalam memihak kepada kaum wanita, merangkumi unsur, kualiti serta tingkah laku yang khusus sesuai mengikut deskriptif perihal wanita. Moi (2002) menyatakan tanggapan yang dimiliki oleh seseorang pengarang mengenai wanita akan mempengaruhi pembentukan sesuatu perwatakan yang mempunyai elemen citra wanita dalam sesebuah karya. Justeru itu, keperluan keseluruhan kajian ini akan mengkaji citra-citra wanita menerusi novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Kebanyakan kajian yang dijalankan berdasarkan pemerhatian pada kajian lepas biasanya ia tertumpu kepada aspek estetika, kritikan keatas pengarang iaitu Azizi Haji Abdullah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kajian ini bukanlah kajian pertama yang membincangkan isu wanita ini berbeza dari isu yang sering dibangkitkan oleh pengarang

yang lain. Hal ini dikatakan demikian, kerana Azizi Haji Abdullah merupakan seorang penulis profilik tanah air yang giat berkecimpung dalam pelbagai genre penulisan sastera. Berikutan dengan pengalaman dewasa yang dimiliki oleh beliau dalam dunia kreatif menjadikannya sangat peka mengenai perkara yang berkaitan dengan alam persekitaran mahupun mengenai masyarakat dan kehidupan manusia. Walau bagaimanapun, isu yang sering dibangkitkan mengenai masyarakat dan kemasyarakatan diterapkan di dalam novelnya bersifat klise, namun Azizi Haji Abdullah telah berjaya menanam perasaan emotif kepada pembaca melalui karyanya yang seringkali mengungkapkan fenomena-fenomena yang selalu wujud dalam kalangan masyarakat. Justeru itu, menerusi novel *Harga Sebuah Maruah* ini ianya merupakan pilihan yang tepat dari segi citra wanita yang ditonjolkan membolehkan penyelidik memahami isu yang ingin disampaikan dan secara tidak langsung pengkaji juga dapat menyampaikan kritikan feminisme tersebut kepada masyarakat. Walters (2005) menyatakan kedudukan kaum wanita sering menjadi buahan negatif dalam sesebuah karya sastera yang memaparkan perspektif dan dominasi antara kaum lelaki terhadap wanita. Kajian ini akan melihat aspek citra wanita dari sudut motif yang ingin ditonjolkan oleh pengarang, citra wanita yang dihidupkan dan prinsip kritikan teori Feminisme.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Berikut terdapat 3 persoalan kajian isu yang akan dibincangkan dalam kajian ini seperti berikut:

- i. Apakah motif yang ingin ditonjolkan oleh pengarang?
- ii. Bagaimanakah citra wanita membuka mata masyarakat?
- iii. Bagaimanakah golongan wanita berhak untuk bersuara?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Berikut terdapat 3 objektif yang dikemukakan dalam kajian ini iaitu:

- i. Mengenalpasti tanggungjawab yang dilaksanakan di dalam novel *Harga Sebuah Maruah*.
- ii. Menganalisis citra wanita yang digunakan dalam novel *Harga Sebuah Maruah*.
- iii. Menganalisis prinsip kritikan teori feminisme dalam novel *Harga Sebuah Maruah*.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting untuk mendalami dan mengenali karya Azizi Haji Abdullah terutama novel *Harga Sebuah Maruah* yang dikaji dari sudut Teori Feminisme dan ia bercakap berkaitan isu penindasan terhadap golongan wanita. Dalam kajian ini penting untuk melihat aspek yang berbeza berbanding kajian yang lain. Dimana, watak utama telah memaparkan keupayaan dan kehebatan seseorang wanita dalam mempertahankan hak mereka. Seperti yang kita ketahui bahawa kaum wanita sering dianggap lemah oleh masyarakat. Justeru itu, novel ini telah berjaya menonjolkan keupayaan yang dimiliki oleh kaum wanita juga setanding dengan golongan lelaki. Selain itu, melalui jalan cerita yang bersifat kehidupan dan perjuangan wanita dapat dijadikan tauladan kepada semua masyarakat kerana teks novel tersebut menggambarkan kehidupan masyarakat kita pada hari ini.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini adalah meliputi teks novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah. Penyelidik meletakkan fokus kepada citra wanita melalui watak utama yang ditonjolkan dalam mengharungi kehidupan dengan penuh cabaran demi memperjuangkan hak-hak wanita serta tanggungjawab yang dipikul. Penyelidik akan mencari beberapa bahan bacaan bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian ini seperti buku, tesis, artikel, majalah, sumber internet dan sebagainya di perpustakaan awam negeri Terengganu. Oleh

itu, Fokus kajian ini juga tertumpu kepada citra wanita dengan menggunakan teori Feminisme serta mengupas tanggungjawab, citra wanita serta prinsip kritikan feminisme yang digunakan di dalam novel tersebut.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Kamus Dewan Edisi Keempat (2013) menyatakan bahawa metodologi merupakan suatu kaedah meliputi penyelidikan yang dilakukan iaitu dengan prinsip yang telah diterapkan menerusi sesuatu kegiatan mahupun disiplin. Setiap perkara yang dibahaskan mestilah dilakukan secara terperinci agar pengumpulan maklumat dapat merungkai kepada penyiasatan dalam masalah kajian.

Kaedah yang dijalankan untuk kajian ini ialah kaedah kualitatif. Kaedah ini merangkumi kaedah ke perpustakaan bagi mendapatkan serta mengumpul maklumat mengenai data yang berbentuk fakta yang diperlukan dalam menghasilkan kajian ini. Justeru itu, data mengenai kajian yang dilakukan iaitu terdiri daripada bahan-bahan ilmiah, buku-buku dan juga kamus yang menjadi rujukan untuk mendapatkan maklumat yang sah oleh penyelidik. Selain itu, berikutan terdapatnya kemudahan yang disediakan di perpustakaan seperti internet dan komputer telah memudahkan penyelidik melakukan kajian di sana dengan melayari beberapa laman web rasmi bagi mendapatkan matlumat tambahan mengenai kajian yang dilakukan. Oleh itu, penyelidik menggunakan kaedah tersebut bagi mendapatkan maklumat berkaitan citra wanita yang terdapat dalam novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah dengan aplikasi kritikan Feminisme.

1.8 ISTILAH BERKAITAN

Istilah berkaitan adalah bertujuan untuk menjelaskan istilah penting sebagai rujukan dalam melaksanakan kajian ini. Istilah berikut ialah :

1.8.1 Citra Wanita

Citra wanita berhubungan dengan manusia lain dapat bersifat khusus maupun umum tergantung kepada bentuk hubungan itu. Hubungan wanita dalam masyarakat dimulai dengan hubungannya dengan orang-seorang, antara orang, sampai ke hubungan dengan masyarakat umum. Termasuk ke dalam hubungan orang-seorang adalah hubungan wanita dengan pria dalam masyarakat (Sugihastuti, 2000: 125)

1.8.2 Ginokritik

Istilah Ginokritik diperkenalkan oleh Elaine Showalter seorang pengkritik sastera kelahiran Boston, Amerika Syarikat (1941). Showalter telah mencadangkan teori-teori Ginokritik yang berpusat pada pengalaman wanita sebagai penulis. Gagasan ini merupakan satu usaha sastera baharu yang bertujuan untuk membina kerangka kerja untuk analisis kesusasteraan wanita (women as a writer) yang berbeza dengan

kaedah kritik feminisme sebelumnya yang berasaskan wanita sebagai pembaca (women as a reader). Dengan menerima wanita sebagai pengarang karya-karya yang dikaji, maka makna tema, genre dan struktur karya sastera itu datang daripada wanita.

1.9 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab satu ini memberi gambaran terhadap kajian yang akan dijalankan. Dalam bab satu ini memfokuskan berkenaan dengan pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, perosalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian dan istilah berkaitan. Novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah mempunyai keunikan dan daya tarikan yang tersendiri dari segi teks yang ditonjolkan berkaitan citra wanita serta gambaran kehidupan masyarakat juga telah didedahkan dan sebagainya. Oleh yang demikian, setiap bab telah menerangkan secara umum mengenai kajian yang akan dijalankan agar kajian ini dapat dijalankan dengan lancar.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 PENGENALAN

Sulistyo Basuki (1991) menyatakan sorotan kajian merupakan suatu pernyataan yang memaparkan fakta sesuatu kajian bagi menyokong objektif yang telah ditetapkan. Perkara ini telah membuktikan bahawa penggunaan sesebuah teori dalam kajian tersebut bukanlah hanya rekaan. Menurutnya lagi, kandungan yang terdapat pada sorotan kajian juga mengandungi pernyataan, kaedah serta teori yang mengemukakan pendapat penialian kajian mengenai tajuk yang dipilih oleh penyelidik.

2.1 CITRA DAN WANITA

Sugihastuti (2002: 45) menyatakan bahawa perkataan citra wanita diambil dari gambaran-gambaran citraan, dimana ianya ditimbulkan melalui fikiran seseorang, pendengaran, penglihatan, sentuhan mengenai wanita. Hal ini dikatakan demikian, kerana di antara jenis citraan itu berhubungkait dengan citra pemikiran mengenai wanita dan apa perkara yang

sering difikirkan mengenai wanita. Selain itu, Citra wanita ini juga berkait rapat dengan pengertian citra tingkah lakunya.

2.1.1 Kesan Psikologi Terhadap Wanita

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik mendapati bahawa terdapat beberapa kajian yang dilakukan ke atas citra wanita antaranya Siti Khariah Binti Mohd Zubir (2004) dalam tesis ph.D berjudul “Citra wanita dalam novel-novel Melayu daripada perspektif pengarang wanita”. Persoalan mengenai citra wanita yang mempunyai kaitan dengan sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya dapat dilihat melalui lima belas buah novel yang ditulis oleh pengarang wanita. Justeru itu, empat jenis teori atau pendekatan yang digunakan dalam kajian ini iaitu feminisme, psikologi, sosiologi dan pendekatan moral. Pangarang wanita ini menerapkan nilai-nilai moral kepada watak-watak yang terdapat dalam karya mereka dengan memaparkan gambaran citra berwawasan, berkarisma dan berwibawa yang diperlihatkan oleh pemimpin melalui watak-watak wanita dalam novel-novel yang dikaji.

Selain itu, Evi Marlina Harahap (2014) dalam tesis Master bertajuk “Citra wanita dalam novel *Kesturi dan Kepodang Kuning* karya Afifah Afra: analisis sastra Feminis”. Makalah, kajian ini dijalankan bagi mengungkap gambaran fizikal dan psikologi watak wanita dalam novel dan mendedahkan imej sosial wanita dalam keluarga dan masyarakat. Oleh itu, teori feminis digunakan untuk melihat masalah wanita dengan lebih tepat dan mendalam. Wanita seolah-olah tenggelam dalam

persepsi yang dihasilkan oleh pembentukan budaya dengan itu beban berganda menjadi suri rumah dan bukan wanita yang bekerja dianggap sebagai masalah besar. Hal ini dikatakan demikian kerana wanita mulai bergerak keluar dari batas patriarkal belunggu itu. Walau bagaimanapun, penulis tidak mengambil sepenuhnya tanggapan yang diberikan oleh masyarakat, dan ianya juga tidak menjadikan wanita kemudian mengundurkan diri ke keadaan itu wanita dewasa selalu mengutamakan tindakan dianggap sesuai untuknya.

Selanjutnya, Ratih Prioritasi (2013) dalam tesis Master bertajuk “Citra Wanita tokoh utama novel *Ronggeng* karya Dewi Linggasari dan skenario pembelajarannya di SMA”. Penelitian ini dilakukan bagi melihat gambaran diri watak utama wanita, gambaran sosial dan scenario belajar di dalam novel *Ronggeng* Dewi Linggasari. Objektif kajian ini adalah untuk menggambarkan citra diri novel *Ronggeng* oleh Dewi Linggasari, untuk menggambarkan imej sosial novel *Ronggeng* oleh Dewi Linggasari, untuk menggambarkan senario pembelajaran *Ronggeng* novel karya Dewi Linggasari di SMA. Hasil kajian ini mendapati bahawa citra diri watak utama wanita dalam novel *Ronggeng* terdiri dari aspek fizikal dan psikologi, citra sosial watak utama wanita dalam novel *Ronggeng* terdiri daripada gambar wanita dalam keluarga dan imej wanita dalam masyarakat, senario pembelajaran novel *Ronggeng* disesuaikan dengan KTSP (Kurikulum Tahap Unit Pendidikan).

Seterusnya, Hasindah Mawarni (2019) dalam tesis Master bertajuk “Citra wanita tokoh utama dalam Novel *Cerita Tentang Rani* karya Herry Santoso kajian kritik sastra Feminis”. Melalui kajian yang dilakukan mendapati bahawa citra diri

wanita terdiri dari aspek fizikal dan psikologi. Dimana, melalui aspek fizikal watak yang digambarkan Rani ialah seorang wanita muda yang mempunyai rupa dan sudah berumahtangga serta wanita yang pandai memasak dan cantik. Melalui aspek psikologi pula, Rani digambarkan sebagai wanita yang kuat, tegas, berani, penyayang, berani bersuara, selalu taat, mematuhi perintah suaminya. Sementara itu, citra sosial merupakan citra yang terdiri dalam keluarga serta citra dalam kalangan masyarakat. Citra dalam keluarga watak utama Rani berperanan sebagai seorang isteri, anak dan ahli keluarga yang penuh tanggungjawab, menyayangi ibu bapa. Sementara itu, citra dalam masyarakat Rani berperanan sebagai wanita yang aktif, tegas dan berdisiplin, prihatin, bertanggungjawab terhadap tugasnya sebagai seorang guru.

Sehubungan dengan itu, Lizawati (2015) dalam artikel bertajuk “analisis citra wanita dalam novel *Perempuan Jogja* karya Achmad Munif”. Kaedah penyelidikan terdiri daripada deskriptif kualitatif iaitu menggunakan pendekatan psikologi sastera. Teknik analisis data menggunakan analisis kandungan dan kajian dokumentari. Justeru, keseluruhan kajian mendapati bahawa citra fizikal wanita yang diterapkan melalui novel *Perempuan Jogja* karya Achmad Munif menunjukkan Raden Ayu Indri Astuti seorang yang mempunyai paras rupa yang menawan. Manakala, Rumanti pula mempunyai rupa yang cantik bagai bunga dan kecantikan yang dimilikinya itu menggabungkan Monalisa dengan Dewi Drupati; Popi: cantik seperti Ibunya, dan cantik walaupun sikapnya terhadap penampilan. Citra nonfizik wanita dalam novel *Perempuan Jogja* karya Achmad Munif ialah Raden Ayu Indri Astuti merupakan wanita yang mencintai keluarga, wanita yang

berwatak keras, dan wanita yang bijak; Rumanti: wanita yang mencintai suaminya, wanita yang sentiasa sabar dan tidak mementingkan diri; Popi: wanita yang bijak dan bertenaga.

Di samping itu, Ni Luh Kadek Richa Dwitasari, I Dewa Gede Windhu Sancaya, Ni Made Suryati (2016) dalam artikel bertajuk “Citra Wanita Penyihir Dalam Novel *Ratna Tribanowati* Karya I Made Sugianto: Suatu Kajian Kritik Sastra Feminis”. Kajian ini membincangkan tentang Novel *Ratna Tribanowati* dengan struktur analisis, gambar ahli sihir, dan ideologi gender. Kajian ini menggunakan struktur kritikan sastera oryand terhadap feminisme. Kaedah dan teknik dalam kajian ini terdiri daripada tiga langkah iaitu pertama peringkat menyediakan kaedah data yang digunakan teknik membaca dan penterjemahan, kedua peringkat analisis data yang dikeluarkan analisis deskriptif, ketiga peringkat penyampaian analisis data menggunakan kaedah tidak formal, dibantu oleh kejuruteraan deduktif dan induktif. Hasil yang diperoleh dalam kajian ini adalah struktur naratif novel dimana tema utama *Ratna Tribanowati* novel ini adalah cinta. Mandat yang terkandung dalam novel *Ratna Tribanowati* tidak boleh dicuri, baik tidak berprasangka, berfikir sebelum bertindak, dan kebenaran akan menang.

2.1.2 Masalah Wanita

Ajeng Ayu Paramita (2010) dalam tesis Ijazah Sarjana Muda bertajuk “Citra wanita dalam novel *Tabula Rasa* karya Ratih Kumala: Tinjauan sastra Feminis”. Kajian ini

dilakukan bagi menghasilkan penelitian yang terarah, diperlukan suatu perumusan masalah iaitu struktur yang membangun novel *Tabula Rasa* karya Ratih Kumala serta citra wanita dalam novel *Tabula Rasa* karya Ratih Kumala tinjauan sastra feminis. Hasil penelitian yang dilakukan mendapati novel *Tabula Rasa* karya Ratih Kumala merupakan salah satu novel yang penting dalam kesusasteraan moden. Hal ini dikatakan demikian kerana ianya membincangkan masalah imej wanita dalam novel *Tabula Rasa* untuk menentukan kaitannya dengan realiti yang berlaku dalam masyarakat.

Selain itu, Ayu Hidayanti Ali (2010) dalam artikel bertajuk “citra wanita dalam novel *Si Parasit Lajang* karya Utami”. Kajian ini mendapati bahawa watak “saya” menonjolkan citra wanita hari ini yang merupakan sebahagian kecil daripadanya melihat seksualiti dan perkahwinan sebagai bukan keperluan. Justeru itu, citra wanita menjadi fokus utama dalam penelitian novel *Si Parasit Lajang* karya Ayu Utami iaitu citra wanita berhubung dengan Tuhan dan hubungannya dengan manusia lain. Kaedah analisis deskriptif digunakan dalam penelitian ini. Hasil analisis mendapati bahawa satu citra wanita berkait dengan tuhan iaitu citra wanita yang menyedari akan kedudukannya sebagai manusia yang lemah, dan berhubung dengan manusia lain memperoleh citra wanita yang memegang prinsip, acuh tak acuh, mesra dan intim, seadanya, serta penyayang.

2.1.3 Nilai Positif Dalam Watak Wanita

Lina Amalina (2012) dalam tesis Master bertajuk “Citra wanita dalam novel *Surat Buat Themis* karya Mira W: Tinjauan sastra Feminis”. Kajian ini menggunakan pendekatan analitis dan metode penelitian adalah deskriptif kualitatif. Teknik analisis data yang digunakan adalah analisis kualitatif dengan metode deskriptif yang penerapannya bersifat menuturkan, memaparkan, memberikan, menganalisis, dan menafsirkan. Hasil penelitian mendapati bahawa struktur novel *Surat Buat Themis* karya Mira W terdiri dari tema, alur, penokohan dan latar. Citra wanita yang terdapat dalam novel *Surat Buat Themis* karya Mira W pula ialah wanita yang tekun dalam Bekerja, wanita sebagai isteri yang setia, wanita yang kuat, wanita tidak boleh menjaga dirinya sendiri, wanita yang mudah dipercayai, wanita sebagai seorang ibu.

Seterusnya, Pramilah A/P Kuppusamy (2021) dalam tesis ph.D bertajuk “Citra, perjuangan dan kedudukan wanita dalam cerpen terbitan akhbar Makkal Osai”. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti imej wanita, menganalisis emansipasi wanita dan menghuraikan status wanita dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar Makkal Ōsai dari 2006 hingga 2017. Pendekatan kualitatif digunakan iaitu melalui kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks berdasarkan teori ginokritik yang diperkenalkan oleh Elaine Showalter. Justeru itu, terdapat sebanyak 30 cerpen sahaja mencerminkan feminisme daripada 624 cerpen yang telah diterbitkan dalam jangka masa 12 tahun tersebut. Dari segi pencapaian status, kesemua watak wanita

yang dikaji berjaya mencapai atau mengejar cita-cita atau matlamat masing-masing selepas menempuh pelbagai dugaan dalam kehidupan.

Selain itu, Riyan Susilo Putri, Abdurahman, Bakhtaruddin (2013) dalam artikel bertajuk “citra tokoh wanita dalam novel *Aku Bukan Budak* karya Astina Triutami”. Kajian ini menganalisis teknik dengan menyifatkan struktur *novel Aku Bukan Budak* oleh Astina Triutami telah membahagikan bahagian mengenai data berkaitan citra wanita, mentafsirkan data berkaitan dengan imej wanita, menganalisis dan inventori data yang berkaitan dengan imej wanita, menyimpulkan penyelidikan data, menulis laporan itu. Hasil kajian mendapati bahawa citra wanita dalam novel *Aku Bukan Budak* oleh Astina Ttiutami adalah citra wanita melambangkan seseorang gambaran pesakit wanita yang anggun, baik serta ahli masyarakat yang merangkumi kebimbangan bagi orang lain, dan hubungan dengan alam sekitar dan orang lain.

Selanjutnya, Noor Aida Mahmor, Nasihah Hashim (2015) dalam artikel bertajuk “Citra wanita Melayu dalam cerita animasi kanak-kanak Upin dan Ipin”. Kajian dilakukan bagi melihat cerita animasi Upin Ipin ini yang mengisahkan gambaran kehidupan masyarakat di Malaysia termasuklah perwatakan wanita Melayu. Justeru itu, kajian ini membincangkan citra wanita Melayu yang terdapat dalam cerita animasi kanak-kanak yang kian popular di Malaysia dan melihat bagaimana watak wanita itu diserlahkan dan seterusnya ditanam ke dalam minda kanak-kanak. Justeru itu, pendekatan Feminisme digunakan bagi melihat kebanyakan pengkarya lelaki menggambarkan wanita sebagai seorang yang rendah diri, pasif, menyerah kepada takdir, dan tidak mempunyai masa depan. Walau

bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan, imej wanita dalam cerita animasi ini adalah positif.

Selepas itu, Ravindaran a/l Maraya, Krishnan Maniam (2017) dalam artikel bertajuk “Citra wanita dari purana dan epik dalam cerpen Tamil Malaysia: dari perspektif Arketaipal”. Kajian ini dijalankan dengan pandangan untuk menilai bagaimana wanita digambarkan dalam cerita pendek Tamil Malaysia. Teori Archetype digunakan sebagai asas untuk menilai karya penulis cerita pendek tempatan. Dengan menggunakan teori ini adalah untuk melihat bagaimana penulis cerita pendek tempatan menerapkan watak-watak dan peranan wanita dari puranas dan epik dalam penghasilan cerita mereka. Analisis watak-watak wanita dalam cerita pendek Tamil hari ini menggunakan pendekatan Archetype membuktikan terdapat usaha untuk mengekalkan peranan wanita tradisional dalam konteks perubahan sosial seperti yang dapat diperhatikan dalam imej wanita seperti yang digambarkan dalam cerita pendek Tamil Malaysia.

Selanjutnya, Nor Hasimah, Nordiana Ab. Jabar, Melor Fauzita Md Yusoff, Maizatul Azura Yahya (2019) dalam artikel bertajuk “citra wanita dan nilai murni dalam karya Adaptasi”. Kajian ini menjadikan adaptasi sebagai salah satu medan kajian bagi melihat citra wanita serta nilai murni yang diterapkan. Seperti yang kita ketahui bahawa watak wanita seringkali diutarakan dalam karya adaptasi. Justeru, melalui watak Ain yang merupakan seorang gadis kampung mempunyai perwatakan yang sopan dalam menjaga tatasusila apabila bergaul dengan kaum lelaki. Disebabkan oleh sifatnya yang patuh itu, Ain akur dengan pilihan orang tuanya untuk menjodohkannya dengan saudara sendiri. Namun begitu, saudaranya itu tidak

suka kepadanya. Berkat kesabarannya, Ain reda dengan dengan ketentuan Allah S.W.T. dan akhirnya Ain bahagia dalam kehidupannya. Karya ini memaparkan nilai positif dan negatif dalam karya dan secara tidak langsung menjadi contoh dan teladan yang berguna kepada masyarakat.

2.1.4 Kejayaan Wanita Dalam Bidang Ekonomi

Siti Khariah M.Zubir (2012) dalam artikel bertajuk “analisis citra usahawan wanita dalam novel-novel Melayu”. Kajian ini dilakukan untuk melihat kepesatan negara seiring dengan pembangunan dan peningkatan upaya usahawan wanita yang dibanggakan. Hal ini dikatakan demikian, kerana terlalu ramai kaum wanita yang sudah berjaya menguasai bidang usahawan berbanding masa dahulu yang hanya dimonopoli oleh kaum lelaki. Oleh itu, pendekatan Feminisme serta moral Islam digunakan bagi merungkai watak-watak wanita yang terlibat secara langsung membina empayar perniagaan dalam novel-novel Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa watak Sarah berjaya membina empayar dalam perniagaan sambil memperjuangkan emansipasi wanita selari dengan pendapat pergerakan Feminisme yang mahukan kaum wanita diberikan kebebasan seperti yang diberikan kepada kaum lelaki Sakinah, wanita korporat yang membina empayar perniagaan didapati oleh pengkaji sebagai seorang wanita yang memperjuangkan emanipasi wanita atau hal yang berkaitan dengan wanita.

2.1.5 Wanita Dan Kesenian

Rizky Hafiz Chaniago & Fauziah Kartini Hassan Basri (2012) dalam artikel bertajuk “Citra wanita dalam perkembangan muzik dangdut di Indonesia”. Kajian ini bertujuan untuk melihat citra wanita atas peranan wanita dalam berkesenian terutamanya seni muzik dangdut. Hal ini dikatakan demikian, kerana golongan wanita mahu juga mencapai kejayaan dan mengubah persepsi penglibatan mereka hanya dalam aktiviti domestik iaitu penjagaan domestik keibubapaan. Pada akhir tahun 1960-an budaya dangdut masih mengutamakan kualiti lirik lagu dan Elvy Sukaesih yang dinobatkan Ratu Dangdut Indonesia memainkan peranan penting dalam menggambarkan perkembangan golongan wanita zaman itu. Hasil kajian mendapati bahawa isu-isu mengenai percintaan dan pembebasan wanita diperkemas seiring dengan lirik lagu, seperti perjuangan wanita untuk mendapatkan hak peribadi mereka seperti hak untuk memilih dan mendapatkan kebebasan.

Seterusnya, Endang Ratih E.W., Malarsih, Wahyu Lestari (2005) dalam artikel bertajuk “Citra wanita dalam pertunjukan kesenian Tayub (the woman image in the Tayub art performance)”. Penelitian dilakukan adalah bagi melihat sejauh manakah citra wanita yang dipersembahkan melalui pertunjukan kesenian tayub serta keupayaan apakah boleh dilakukan bagi menonjolkan status citra wanita melalui pertunjukan kesenian tayub. Pengumpulan data dilakukan menggunakan teknik temuduga, pemerhatian dan dokumentasi. Hasil penelitian menunjukkan citra

wanita dalam pertunjukan kesenian tayub adalah wanita dianggap sebagai pemuas bagi kaum lelaki. Oleh itu, usaha yang diambil untuk mengangkat citra wanita dalam pertunjukkan kesenian tayub adalah dengan menghapuskan dasar baru daripada kerajaan tempatan bahawa terdapat peraturan yang mengawal sekatan jam, kawalan jarak antara joget dan penayub, tiada minuman keras beralkohol dibenarkan dan akhir sekali adalah penayub mesti bertindak sopan terhadap jogetnya.

2.1.6 Keistimewaan Wanita Minangkabau

Erianjoni (2011) dalam artikel bertajuk “Pergeseran citra wanita Minangkabau: dari konsepsi Ideal-Tradisional ke realitas”. Artikel ini membincangkan bagaimana wanita etnik Minangkabau menjalani perubahan yang mengaitkan imej wanita yang dilihat dari konsep tradisional yang ideal dan perubahan dalam realiti hari ini. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat lima keistimewaan yang dimiliki oleh wanita Minangkabau iaitu pertama, keturunan diambil dari garis keibuan; kedua, rumah kediaman; ketiga sumber ekonomi diutamakan untuk wanita; keempat, orang-orang yang menyimpan hasil ekonomi adalah wanita, dan kelima, wanita mempunyai hak untuk bersuara dalam musyawarah. Kesan daripada pergeseran citra wanita Minangkabau sekarang ini adalah bahawa dia telah menjadi sebahagian daripada Indonesia yang lebih luas. Keunikan itu hanya dalam pakaian, pada simbol yang menunjuk kepada kehebatan masa lalu.

Sehubungan dengan itu, Ninawati Syahrul (2013) dalam artikel bertajuk “Citra perempuan dalam Kaba Anggun Nan Tungga karya Amba Mahkota”. Penelitian ini bertujuan mendalami citra perempuan Minangkabau sebagai pribadi dan mendeskripsikan citra perempuan Minangkabau sebagai anggota masyarakat dalam kaba Anggun Nan Tungga. Penelitian ini bersifat deskriptif sastra yang dikaitkan dengan teori psikologi wanita, psikologi umum dan falsafah manusia. Citra perempuan yang digambarkan dalam kaba Anggun Nan Tungga menunjukkan bahawa pada umumnya tokoh perempuan mempunyai personaliti yang sangat baik kerana ia mempunyai kedua-dua aspek citra perempuan, iaitu citra perempuan sebagai pribadi dan citra perempuan sebagai anggota masyarakat. Hal itu sudah mencerminkan tokoh perempuan yang di idealkan. Perempuan diibaratkan sebuah tiang dalam rumah tangga dan masyarakat.

2.1.7 Citra Wanita Berhubung Dengan Tuhan

Kasmiati Drs. Elmustian, M.A. Hadi Rumadi, S.Pd, M.Pd. (2013) dalam artikel bertajuk “Citra perempuan dalam novel Habibie dan Ainun karya Bacharuddin Jusuf Habibie”. Penelitian ini membincangkan tentang citra perempuan dalam masalah kehidupan yang agak luas. Bagi mencapai hasil yang lebih baik, penulis menghadkan citra perempuan dengan memberi tumpuan kepada citra perempuan berhubung dengan Tuhan, dirinya dan dengan manusia lain dengan menggunakan teori citra perempuan dari Oemarjati dan Sitanggang. Hasil analisis yang diperolehi

mengatakan bahawa Ainun adalah seorang perempuan yang sangat bebas, saleha, berprinsip dan penyayang dengan orang lain serta Ainun sangat beriman kepada Allah, menjalankan semua yang diperintahkanNYA dan menjauhi segala laranganNYA, setiap masalah yang menimpa keluarga kecilnya semua dia serahkan pada yang maha kuasa.

2.2 PENAKULAN NOVEL *HARGA SEBUAH MARUAH*

Novel *Harga Sebuah Maruah* ditulis oleh seorang sasterawan negara iaitu Azizi Haji Abdullah. Novel ini berkisarkan mengenai seorang watak utama iaitu Cah yang merupakan seorang janda yang sanggup berkorban nyawa untuk menyelamatkan sawah peninggalan arwah bapanya.

2.2.1 Martabat Wanita Diangkat Setanding Kaum Lelaki

Kajian mutakhir ini yang dijalankan mengenai novel *Harga Sebuah Maruah* Afirah Osman@ Yusof (2014) dalam p.h.D bertajuk “Citra wanita Melayu: penelitian terhadap novel *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Harga Sebuah Maruah*”. Penelitian menunjukkan mengenai aspek citra wanita Melayu tradisional yang dipaparkan melalui watak Jeha dalam *Rantau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad dan Cah dalam *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Hj. Abdullah. Justeru itu, perbandingan

dilakukan mengenai kedua-dua watak tersebut adalah bagi meneliti perkaitan watak Jeha dan Cah dalam mengetengahkan mesej yang cuba disampaikan oleh pengarang. Kegigihan watak dalam karya ini dilihat melalui watak wanita yang berusaha untuk melindungi tanah sawah padi mereka. Oleh yang demikian, watak wanita bukan sahaja terkenal dengan kelembutan serta keayuannya tetapi wanita juga diangkat martabatnya setanding kaum lelaki.

2.3 MENGENALI AZIZI HAJI ABDULLAH

Azizi Haji Abdullah merupakan seorang pengarang yang banyak menulis novel dan cerpen. Beliau dilahirkan pada 4 April 1942 di Kota Meryam, Kota Kuala Muda, Kedah dalam keluarga yang amat mementingkan agama. Gaya kepengarangannya yang dilihat lebih banyak memerihal nilai-nilai pendidikan Islam dalam karya-karyanya.

2.3.1 Pemikiran Kreatif Pengarang

Kajian ini dijalankan oleh Nursham BT Abdul Aziz (2015) dalam tesis p.h.D bertajuk “novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah: kajian intertekstualiti”. Terdapat tiga buah novel yang digunakan untuk dianalisis iaitu novel ialah *Seorang Tua di Kaki Bukit (1982)*, *Memoir Seorang Guru (2007)* dan *Beruk (2010)* dengan mengaplikasikan teori intertekstualiti. Melalui analisis yang dijalankan mendapati

bahawa pengarang menulis dengan merujuk hipoteks yang melalui pelbagai proses seperti kerja pemindahan atau penambahan episod tertentu bagi memperkukuh makna hipoteks. Justeru, prinsip-prinsip yang telah diaplikasikan daripada teori intertekstualiti telah menunjukkan pengarang seorang yang bijak dan kreatif dalam menggableng, menggabung dan menyepadukan pelbagai kaedah bagi menggarap novel sebagai wadah dalam penyampaian maklumat serta makna baharu dan pada masa yang sama berusaha untuk mengekalkan jati diri kepengarangannya yang mengangkat kisah orang tua yang berjiwa sensitif.

2.3.2 Persoalan Masalah Kaum Melayu

Abdullah Zawawi Mohd Hairani (2013) dalam tesis p.h.D yang bertajuk “Pengarang dan kepengarangan: satu penilaian kritis ke atas Azizi Haji Abdullah”. Kajian ini menceritakan Azizi Haji Abdullah dalam dunia kepengarangan yang seringkali menyuarakan isu dan persoalan mengenai masalah masyarakat Melayu desa terutamanya mengenai hal kemiskinan, tanah pusaka, perselisihan keluarga, keciciran pendidikan, kepincangan kepimpinan dan keclaruan fahaman agama sebagai agenda kreativitinya; mewatakkan orang tua sebagai protagonisnya manakala dunia Kulim sebagai latar tempatnya. Justeru, 10 buah novel telah difokuskan untuk mendapatkan data kajian yang ditulis oleh pengarang dengan bermotifkan watak orang tua. Pendekatan psikologi digunakan dengan mengaplikasikan teori personaliti mekanisme bela diri bagi melihat kecenderungan

kepengarangan Azizi Haji Abdullah. Karya kreatif menjadi wadah bagi Azizi menyalurkan tanggungjawab sosialnya dalam usaha bela diri beliau ke atas segala masalah Melayu.

2.3.3 Impak Perubahan Sosial

Mohd Zain Kosnon (2017) dalam tesis master bertajuk “Perubahan keluarga dan masyarakat kesan pembangunan negara berdasarkan novel pilihan Azizi Haji Abdullah”. Penelitian dijalankan menerusi perubahan yang telah dikenalpasti melalui impak perubahan sosial yang dapat dilihat melalui aspek sosial, ekonomi dan politik menurut tafsiran Azizi dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Justeru, aspek ini digunapakai dalam kajian kerana ianya mempunyai hubungkait dimana sastera merupakan suatu cerminan kehidupan dalam realiti sosial. Oleh itu, 10 buah novel yang terdiri daripada *Senja Belum Berakhir*, *Gadis Itu Bernama Ina*, *Seorang Tua Di Kaki Gunung*, *Melukut Kota*, *Tukcai*, *Dunia Bukan Syurga*, *Wi dan William*, *Buih*, *Harga Sebuah Maruah* dan *Mandala Dunia Kedua* dijadikan sebagai data kajian. Maka teori sosiologi sastera Model Strukturalisme Genetik Lucien Goldmann diaplikasikan bagi menganalisis perubahan sosial keluarga ini. Pelaksanaan dasar ekonomi bagi menghapuskan kemiskinan berjaya memberikan ruang dan peluang pekerjaan; kebebasan wanita serta penggunaan amalan sains dan teknologi dalam kehidupan.

Selanjutnya, Noor Salawati Abu Bakar, Zubir Idris, Shaiful Bahri Md. Radzi (2021) dalam artikel bertajuk “Perspektif Sosio Ekonomi masyarakat dalam novel-novel terpilih karya Azizi Abdullah”. Kajian ini membawa khalayak untuk mengenali Azizi Haji Abdullah yang sering menampilkan kehidupan masyarakat desa dan bersulam dengan ikatan keluarga. Tulisan ini menganalisis kritikan sosio ekonomi yang ditampilkan oleh Azizi dalam novel-novel terpilih yang turut mewakili setiap zaman. Novel-novel berkenaan adalah *Senja Belum Berakhir* (1971), *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982), *Tukcai* (1991) dan *Harga Sebuah Maruah* (2007). Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai kritikan disampaikan secara langsung dan tidak langsung melalui watak, dialog, peristiwa dan teknik naratif pengarang. Oleh itu, transformasi sosial dan perubahan yang berlaku dalam masyarakat mengheret keprihatinan Azizi menyorot fenomena yang berlaku dan mewarnai karyakarya penulisannya khususnya.

2.4 FEMINISME DAN WANITA

Teori feminisme merangkumi sistem idea tentang kehidupan sosial dan pengalaman manusia yang berkembang atas asas persoalan wanita dalam masyarakat. Teori feminisme juga menjadi titik tolak bagi semua kajian yang dilakukan adalah berkisar pada keadaan dan pengalaman kaum wanita iaitu wanita dijadikan subjek atau topik bagi proses penyelidikan, dan segala perkara adalah dilihat dari kacamata wanita. Hal ini kerana teori feminisme memihak kepada persoalan wanita ini bertujuan mewujudkan satu suasana

kehidupan yang lebih baik bukan sahaja kepada kaum wanita, tetapi kepada seluruh umat manusia.

2.4.1 Perjuangan Wanita

Kajian mutakhir ini yang dijalankan dengan menggunakan kritikan feminisme ialah Maulana Zulfa (2015) dalam tesis Degree bertajuk “Eksistensi Perempuan Pejuang Dalam Novel Wanita Bersabuk Dua Karya Sakti Wibowo Kajian Feminisme Eksistensialis”. Penelitian ini menggunakan feminisme eksistensialis dimana pendekatan tersebut memiliki inti tujuan untuk mengetahui sesuatu yang ada dalam dirinya (en-soi), ada untuk dirinya sendiri (pour-soi), dan ada yang lain dalam tokoh diri perempuan pejuang. Hasil penelitian dalam novel *Wanita Bersabuk Dua* karya Sakti Wibowo mendapati perbezaan antara pemerhati dan yang diperhatikan dengan membahagikan diri kepada dua bahagian iaitu ada untuk dirinya sendiri (pour-soi), dan ada untuk yang lain. Analisis yang ada untuk dirinya sendiri (pour-soi) dapat dilihat dari segi bentuk eksistensi perempuan pejuang tersebut iaitu tidak pernah berputus asa, semangat untuk melawan, menyesal, keinginan untuk berjuang, berani berperang, tidak mudah mengeluh dan akhir sekali perempuan pejuang.

Selain itu, Maryam Habibah Kamis, Indrianty Ismail (2015) dalam artikel bertajuk Tema-tema Feminisme dalam Novel-novel Nawal El Saadawi. Dalam kajian ini mengisahkan perjuangan seorang tokoh wanita iaitu Nawal El Saadawi dalam menyatakan penderitaan yang dialami oleh wanita Arab demi

mempertahankan hak mereka melalui hasil karya novel sastera. Penelitian yang dilakukan mendapati bahawa Nawal El Saadawi berjaya mengutarakan isu feminisme ini ke dalam novel yang dihasilkan dari pelbagai aspek serta kritikan yang beliau hujahkan di dalam novel tersebut mendapat sambutan dalam mempraktikkan budaya Arab sejak dahulu hingga kini.

2.4.2 Aspek Bahasa Dan Feminisme

Norafazah Ghazali, Failah Husin (2018) dalam artikelnya Bahasa dan Feminisme dalam Filem Shuhaimi Baba. Penelitian yang telah dilakukan menerusi kajian ini dari aspek bahasa yang digunakan dan feminisme di dalam filem Melayu yang bergenre seram telah diarahkan oleh seorang pengarah wanita. Oleh itu, filem tersebut berkisarkan unsur feminisme yang diselitkan melalui pemilihan bahasa serta dialog yang dilontarkan di dalam filem tersebut. Seperti yang kita ketahui bahawa Shuhaimi Baba merupakan salah seorang pengarah filem yang tersohor di Malaysia yang telah berjaya dalam industri perfileman serta telah menerbitkan beberapa filem yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa. Hasil kajian mendapati bahawa bahasa yang dituturkan memainkan peranan yang penting dalam sesebuah filem dimana bahasa feminisme itu dapat memperlihatkan kekuasaan wanita melalui watak-watak yang dilakonkan.

2.4.3 Unsur Feminisme Dalam Pantun Melayu

Siti Khariah Mohd Zubir (2015) dalam artikel Unsur Feminisme dalam Pantun Melayu. Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat sejauh manakah unsur feminisme ini dapat diterapkan di dalam pantun Melayu. Oleh itu, kajian ini mengfokuskan kedudukan seorang wanita yang diterjemahkan ke dalam pantun Melayu telah memberikan kesan kepada masyarakat sekeliling. Seperti yang kita ketahui bahawa pantun pula ialah bentuk puisi Melayu adalah sumber khazanah masyarakat Melayu yang bersifat asli dan unik. Justeru, sepuluh rangkap pantun yang berbeza telah digunakan dalam kajian ini. Penelitian yang dilakukan mendapati bahawa unsur feminisme telah dikenalpasti dalam pantun Melayu dalam mengupas secara terperinci mengenai kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu.

2.4.4 Fenomena Sosial Terhadap Wanita

Mentari Asih Lina Ayu Safitri (2017), dalam artikel bertajuk Kajian Feminisme Terhadap Novel *Perawan Remaja Dalam Cengkeraman Militer* Karya Pramoedya Ananta Toer. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menerangkan kedudukan watak wanita, bentuk-bentuk profeminisme dan rancangan pelaksanaan hasil penyelidikan novel *Remaja Perawan dalam Tentera Clutch*. Penyelidikan ini berguna secara teori dan praktikal. Teori yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah pemahaman

novel, elemen pembangun novel, kritikan sastera, feminisme, kedudukan wanita, profeminisme, budaya feminisme, kritikan terhadap sastera feminisme, dan pembelajaran sastera. Penyelidikan ini menggunakan kaedah deskriptif, kualitatif, dengan pendekatan kritikan sastera feminisme.

Di samping itu, Nuril Hayati (2018), dalam arielnya *Teori Feminisme: Sejarah, Perkembangan Dan Relevansinya Dengan Kajian Keislaman Kontemporer*. Kajian ini telah menggunakan teori feminisme sebagai salah satu sistem gagasan kerangka kerja bagi melihat sejauhmanakah fenomena sosial ini melalui perkara yang pernah dialami oleh manusia yang berubah ke arah perspektif wanita. Justeru, dari aspek feminisme merupakan salah satu cara untuk menyahut serta memberi kesedaran kepada umat Islam mengenai realiti ketidaksetarakan gender. Hasil kajian mendapati bahawa nilai-nilai Islam ditemukan dalam persamaan gender antara lelaki dan wanita yang memaparkan dari sudut positif.

Seterusnya, Abdul Karim (2014) dalam artikel bertajuk “Feminisme: sebuah model penelitian kualitatif”. Penelitian ini fokusnya adalah untuk berusaha menjadikan perbezaan ini menjadi terbuka bagi melihat kedudukan pekerja wanita serta menjelaskan bahawa sistem ekonomi dan politik dunia tidak memihak kepada kedudukan wanita. Feminisme dalam teori ini dapat dilihat sebagai projek oleh feminis untuk mempengaruhi perubahan sosial baik sebagai rangkaian aplikasi dan sebagai kumpulan teori. Justeru itu, feminisme menggunakan struktur tematik dan kronologi gabungan, menyatukan koleksi karya tokoh-tokoh yang tidak dipertikaikan dalam projek ini, serta penelitian penting dari generasi baru para sarjana.

Sedemikian itu, Khoirul Faizam (2007) dalam artikel bertajuk “Mengintip feminisme dan gerakan perempuan”. Kajian ini menunjukkan teori feminis berkembang seperti feminis liberal, feminis radikal, feminis marxis dan feminis sosialis. Semasa proses berkembangnya teori-teori itu, gerakan wanita menyuarakan penentangan mereka bahawa teori-teori mungkin meletakkan wanita pada kedudukan yang tidak diinginkan seperti yang diusulkan oleh kumpulan Eco feminisme pada tahun 1980. Oleh itu, dalam konteks dunia muslim, kerangka sosial holistik seharusnya menjadi kerangka pergerakan gerakan feminis. Ini dapat dimasukkan dengan selamat dengan cara ini: "ini bukan mengenai wanita yang mengambil alih, tetapi wanita dan lelaki bersama-sama menyatakan potensi penuh mereka dan tidak unggul dan tidak rendah diri".

2.4.5 Feminisme Dalam Filem

Susanto (2017) dalam artikel bertajuk “Representasi feminisme dalam film Spy”. Deskriptif kualitatif telah digunakan melalui kaedah semiotik televisyen John Fiske yang terdiri daripada tiga tahap, iaitu tahap realiti, tahap representasi (perwakilan) dan tahap ideologi. Dengan menggunakan kaedah semiotik televisyen John Fiske, peneliti menemui empat kategori feminisme, iaitu feminisme dalam membuat keputusan, feminisme dalam kepemimpinan, feminisme dalam intelektual dan feminisme dalam penampilan perempuan. Hasil penelitian ini menunjukkan feminisme yang terdapat dalam film “Spy” merupakan feminisme aliran gelombang

pertama dengan menggambarkan seorang perempuan yang mempunyai intelektual dan juga dapat membuat keputusan.

2.4.6 Perspektif Feminisme Mengikut Pemikiran Islam

Andil Wahyun Muqoyyidin (2013) dalam artikel bertajuk “wacana kesetaraan gender: pemikiran islam kontemporer tentang gerakan feminisme islam”. Kajian ini mendapati bahawa gender adalah satu di antara sejumlah wacana yang boleh disebut kontemporer yang cukup menarik perhatian ramai golongan, dari remaja, aktivis pergerakan, akademisi dan mahasiswa, badan perundangan dan pemerintah serta pemimpin agama. Sehingga kini, wacana gender dapat dikategorikan menjadi sekurang-kurangnya empat penampilan, iaitu sebagai gerakan, sebagai wacana filosofis, pengembangan dari masalah sosial hingga masalah agama, dan sebagai pendekatan dalam kajian agama. Justeru itu, ianya juga akan membincangkan perspektif kesetaraan gender seperti yang difahami oleh feminis Muslim. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa tujuan perjuangan feminisme adalah untuk mencapai persamaan, martabat dan kebebasan bagi wanita dalam memilih dan menguruskan kehidupan dan tubuh mereka, baik di dalam mahupun di luar rumah tangga.

Sedemikian itu, Dr. Ratna Megawangi (1996) dalam artikel bertajuk “Perkembangan teori feminisme masa kini dan mendatang serta kaitannya dengan pemikiran keislaman”. Penelitian ini berkaitan dengan isu-isu mengenai hak untuk status dan kedudukan wanita dari segi sektor domestik dan awam adalah isu-isu

kompleks yang terus menjadi perdebatan. Berbagai pendapat yang berasal dari beberapa disiplin ilmu falsafah, agama, sosiologi, biologi politik dan psikologi, telah membawa kepada pelbagai teori mengenai feminisme dan pelbagai bentuk gerakannya. Kritikan feminisme telah mengubah arah perbincangan mengenai feminisme pada tahun 1980an menjadi lebih fokus pada analisis kualitas feminin, dan cenderung untuk menerima perbezaan antara wanita dan lelaki. Mereka mula percaya bahawa perbezaan gender bukan semata-mata membina sosial budaya, tetapi juga intrinsik.

2.4.7 Persepsi Terhadap Wanita

Muashomah (2010) dalam artikel bertajuk “Analisis labelling perempuan dengan teori feminisme psikoanalisis: studi kasus majalah remaja olha!”. Penelitian dilakukan bagi melihat label wanita, bentuk pelabelan, menganalisis teori feminisme psikoanalitik mengenai pelabelan untuk wanita di majalah remaja. Dalam kajian ini penulis menggunakan kaedah semiotik dan penyelidikan dilakukan di majalah Olga. Hasil kajian menunjukkan bahawa amalan melabel wanita oleh majalah remaja yang ditujukan kepada gadis muda dilakukan dengan empat kod, iaitu tubuh seksi dan wajah cantik, pentingnya penampilan wanita, keadaan psikologi wanita yang tidak stabil, dan peranan rumah tangga wanita. Label ini dapat membentuk persepsi orang ramai terhadap wanita dan mempunyai kesan jangkaan terhadap wanita.

2.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini merumuskan setiap kajian lepas berkaitan dengan topik kajian yang dilakukan oleh para penyelidik terdahulu. Oleh itu, sorotan kajian lepas yang dilakukan haruslah mempunyai kaitan dengan topik kajian supaya ianya dapat memberi gambaran terhadap kajian yang dilakukan. Setiap perbezaan pandangan yang diperolehi daripada penyelidik-penyelidik yang lepas memberikan kefahaman kepada penyelidik dalam skop kajian yang dijalankan secara menyeluruh.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian “Citra Wanita Dalam Novel *Harga Sebuah Maruah* Karya Azizi Haji Abdullah Aplikasi Kritikan Feminisme”. Justeru itu, metodologi kajian bertujuan bagi memberi penjelasan mengenai kajian yang akan dijalankan dan bagaimana data kajian diperolehi serta dianalisis untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Ianya juga dapat menjadikan kajian yang dijalankan lebih sistematik dan perjalanan kajian lebih terarah dalam mencapai objektif. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan mengenai kaedah-kaedah yang digunakan oleh penyelidik untuk mengumpulkan dan menganalisis data-data yang diperolehi melalui sumber-sumber tertentu yang bertepatan dengan reka bentuk kajian yang dijalankan.

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Kerlinger (1970) menyatakan bahawa reka bentuk kajian adalah salah satu cara bagi mengolah sesuatu data yang diperoleh daripada perancangan kajian yang dilakukan secara bersistematik melalui konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pembolehubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. Terdapat satu pendekatan dalam reka bentuk kajian digunakan dalam menjalankan kajian ini iaitu kaedah kualitatif. Pendekatan ini digunakan bertujuan menjawab persoalan dan objektif kajian dijalankan.

3.2 KAEDAH KAJIAN

Penyelidik juga membuat beberapa kajian melalui kaedah kualitatif bagi mendapatkan maklumat berkaitan citra wanita dalam novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah pengaplikasian kritikan Feminisme. Di antara kaedah kajian yang dilakukan adalah melalui:

3.2.1 Kaedah Kualitatif

Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif bagi memastikan pengumpulan data dapat dilakukan dengan lengkap menerusi mana-mana subjek

yang dapat dijadikan sebagai rujukan dalam kajian yang dijalankan. Selain itu, kaedah ini juga akan membincangkan bagaimana cara untuk menganalisis data kajian yang telah diperolehi mengikut konteks kajian supaya kajian dapat dilaksanakan dengan lancar. Oleh itu, bagi melaksanakan kajian ini sumber yang sahih amat dititikberatkan untuk dijadikan sebagai panduan dalam proses pengumpulan data. Justeru itu, kaedah kualitatif ini akan merungkai segala persoalan kajian yang telah dikemukakan oleh penyelidik.

3.2.1.1 Kaedah Kepustakaan

Penyelidik akan menjalankan kaedah kepustakaan bagi memperoleh data-data yang penting serta mengumpul maklumat mengenai data yang berbentuk fakta yang diperlukan dalam menghasilkan kajian ini. Justeru itu, semasa menjalankan kajian ini, penyelidik akan menggunakan sumber-sumber daripada bahan-bahan bercetak seperti buku ilmiah, tesis, jurnal artikal dan juga kamus yang digunakan oleh penyelidik bagi mendapatkan maklumat yang sahih. Justeru itu, kaedah kepustakaan ini amat penting kerana melaluinya penyelidik dapat memperoleh banyak sumber informasi dan juga maklumat-maklumat tambahan yang dapat dijadikan sebagai bahan input bagi menyempurnakan kajian ini. Oleh itu, penyelidik menjalankan kaedah kepustakaan dengan mengunjungi Perpustakaan Awam Negeri Terengganu.

3.2.1.2 Sumber Internet

Sumber internet digunakan untuk melayari beberapa laman sesawang bagi mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan. Antara laman sesawang yang diakses untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian ini antaranya, “Google Scholar”, Malaysian Thesis Online (MyTO), Dewan Bahasa dan Pustaka serta beberapa laman web pendidikan yang rasmi. Oleh itu, rujukan daripada sumber internet ini dapat membantu pengkaji untuk memperoleh maklumat yang lebih luas dan terkini mengenai skop kajian. Hal ini kerana segala maklumat dapat diperolehi menerusi internet tanpa had dan merentasi masa.

3.3 Penerapan teori

Berdasarkan kajian yang akan dilakukan, penyelidik akan menggunakan teori sebagai asas untuk dijadikan sebagai panduan. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap pemikiran yang diterapkan pada teori dapat memberikan idea mahupun hujah yang bernas bagi menyingkirkan kekeliruan yang ada dalam kajian ini supaya ianya lebih difahami. Justeru itu, penyelidik akan menggunakan teori feminisme sebagai panduan dalam kajian ini.

3.3.1 Teori Feminisme

Teori Feminisme merupakan pendekatan teori yang memperjuangkan wanita untuk mendapat tempat yang sederajat dengan lelaki dan untuk memperkasakan kuasa feminis. Mary Wollstonecraft merupakan seorang pengarang yang merupakan tokoh terawal yang menyuarakan pandangan bahawa kaum wanita mesti bangun dan tidak hanya bergantung kepada kaum lelaki sahaja. Justeru, teori feminisme berakar pada aliran feminisme yang muncul di Barat sebagai gerakan-gerakan yang memperjuangkan hak-hak kaum wanita dan kedudukannya setaraf dengan kaum lelaki. Perjuangan kaum wanita untuk melawan pandangan negatif terhadap mereka, akhirnya berkembang menjadi aliran pemikiran yang berpengaruh dalam masyarakat di seluruh dunia. Orang yang menganut faham feminisme ini disebut dengan feminis. Latar penglibatan mereka berteraskan keupayaan untuk menimbulkan kesedaran kaum wanita, memperjuangkan hak-hak yang sama taraf dengan kaum lelaki, membebaskan wanita dari belenggu negatif serta menampilkan imej wanita dalam bentuk positif. Penglibatan mereka dapat ditinjau dan ditelusuri menerusi aliran-aliran yang didukung. Antara kelompok aliran feminisme yang wujud ialah Feminisme Liberal, Feminisme Radikal, Feminisme Marxist/sosialis, Feminisme Psikoanalisis, Feminisme Carefocused, Feminisme Multicultural/Global/ Colonial, Feminisme Ecofeminist, dan Feminisme pascamoden.

Peringkat Gelombang Pertama (First Wave)

Peringkat awal perkembangan juga disebut sebagai Gelombang Pertama (First Wave). Gelombang pertama bermula dari tahun 1890 hingga tahun 1920. Kelompok pendokong Feminisme dalam gelombang pertama lebih menumpukan kepada aspek-aspek persamaan hak. Gelombang ini dikatakan telah mencipta satu bentuk identiti wanita di mana mereka telah mendapat hak yang sah di samping menikmati kebebasan yang diinginkan. (Siti Hajar Che Man, 2000:4)

Di England, sekolah-sekolah telah banyak dibuka bagi menyediakan tempat kepada kaum wanita yang berkerja bagi mempersiapkan mereka untuk menjadi pekerja yang profesional. Di Amerika Syarikat pula telah mencapai satu ketetapan penting dalam ‘Seneca Falls Convention’ pada tahun 1848 yang menuntut dihapuskan semua diskriminasi berdasarkan gender.

Menurut Hodgson-Wright (2006), perjuangan feminisme awal melalui tiga cara iaitu, pertama, melalui usaha untuk melihat semula hakikat kedudukan perempuan dalam ajaran gereja. Kedua, dengan menentang berbagai buku yang cenderung mengekang perempuan pada zaman tersebut. Ketiga, dengan membangunkan rasa kebersamaan antara penulis perempuan.

Peringkat Gelombang Kedua (Second wave)

Feminisme Gelombang Kedua (Second wave) bermula pada tahun 1960an-1980an. Kelompok dalam gelombang kedua lebih radikal dengan menuntut kepentingan wanita secara menyeluruh. Gelombang ini juga dikenali sebagai era kaum wanita menuntut pembebasan (women's liberation). Gelombang ini juga dikenali dengan *Feminisme Gender*. Menurut Thompson (2010), kemunculan Gelombang Kedua ini ditandai dengan terbitnya karya berjudul *The Feminine Mystique* (Freidan, 1963), diikuti pula dengan tertubuhnya National Organization for Woman (NOW) pada tahun 1966 serta muncul beberapa kelompok *conscious raising* (CR) pada akhir tahun 1960an. Terdapat dua kelompok aliran yang dominan dalam tempoh ini ialah aliran feminisme eksistensial dan feminisme Ginosentris.

Peringkat Gelombang Ketiga (Third wave)

Feminisme Gelombang Ketiga dikenali juga dengan nama Feminisme pascamoden dikatakan bermula pada tahun 1980-an, iaitu era berkembangnya pemikiran pascamoden. Menurut Lyotard dan Vattimo, pengaruh pascamodenisme terhadap feminisme gelombang ketiga dapat dilihat dalam empat ciri. Pertama, menawarkan pendekatan revolusioner dalam pengajian sosial, mengabaikan sejarah,

mempertanyakan secara *rigid* pembacaan antara ilmu serta berfokus pada wacana alternatif.

Tumpuan lebih diberikan kepada teks yang dijasikan dasar keyakinan dalam berbicara tentang dunia wanita. Aliran feminisme pascamoden menolak pemahaman feminisme terdahulu yang lebih bersifat radikal dan fanatik. Sebaliknya, dalam era gelombang ketiga ini, feminisme lebih memberi tumpuan kepada wanita di dalam teks dengan kepercayaan bahawa realiti adalah teks, baik yang berbentuk lisan, tulisan mahupun gambar.

Kritikan Sastera Feminis

Dalam menegenahkan soal gender ini, feminisme menekankan bahawa ia tidak berhasrat untuk mendominasi lelaki atau membalas dendam terhadap lelaki atas apa yang telah dilakukan oleh ideologi patriarki selama ini. Begitu juga, ditekankan dengan jelas bahawa feminisme bukan menentang perbezaan jantina tetapi menentang *fahaman yang semula jadi* lebih superior daripada wanita, yakni lebih pandai, lebih objektif, lebih kuat, lebih cerdas, lebih logikal, dan sebagainya, seperti yang dilihat di atas. Fahaman tersebut dan amalan kewacanaan (*discursive practices*) yang terhasil daripada fahaman tersebutlah yang menjadi tumpuan feminisme.

Merujuk kepada sastera secara khusus, penyokong feminisme jelas dan yakin bahawa sastera merupakan antara wahana penting dalam perjuangan feminisme. Justeru, kritikan sastera feminis atau kritikan sastera yang bertitik tolakkan pegangan, matlamat dan sasaran feminisme adalah amat penting. Ternyata, dalam konteks sastera, seperti yang diperkatakan sebelum ini, wanita menerima padah ideologi patriarki, yang mempunyai implikasi besar terhadap kehadiran penulis wanita dan karya mereka, sama ada daripada segi penghasilan, penyebaran mahupun interpretasi. Jelas terbukti jumlah penulis wanita tidak ramai berbanding lelaki, sementara tulisan mereka, hatta mendapat sambutan dalam kalangan audiens, dikatakan terlalu sentimental dan tidak serius, dan oleh itu hanya layak hadir sebagai bahan bacaan kaum wanita dan bukan untuk khalayak pembaca yang serius. Lanjutan itu, karya wanita dipinggirkan dan tidak dimasukkan dalam kanun. Ini sekali gus bererti karya wanita serta pemikiran mereka tidak memainkan peranan dalam pembentukan sejarah dan tradisi sastera. Sebaliknya, dengan jumlah mereka yang jauh lebih ramai, penulis lelaki dan karya mereka hadir sebagai budaya sastera majoriti. Berlatarbelakangkan senario seperti ini, kritikan sastera feminis menjadikan antara matlamatnya itu ialah usaha membetulkan keadaan ini dengan mencari, menggali, mendapatkan dan seterusnya mengetengahkan karya nukilan penulis wanita dan juga budaya lisan mereka yang dahulu dianggap tidak bermutu, tidak serius atau bukan-sastera. Dengan terkumpul dan terserlahnya karya wanita hasil usaha mencari dan menggali tersebut, dua perkara berlaku. Pertama, teori sastera feminis dapat membuktikan dengan data konkrit bahawa aktiviti penulisan wanita bukan sahaja wujud tetapi ia merupakan suatu aktiviti yang *berterusan*, yang sekali gus memperlihatkan secara konkrit *perkembangan* yang nyata. Ini dengan

sendirinya mencabar penyisihan wanita dalam dunia sastera serta sejarah dan tradisinya. Kedua, data konkrit yang terkumpul itu memungkinkan penulisan satu sejarah sastera baru yang memberi pemberatan yang sewajarnya kepada penulisan wanita. Begitu juga, ia membuka laluan kepada karya wanita untuk masuk dalam kanun sebagai teks kanun yang sah. Dengan sejarah baru dan status kanun itu, satu tradisi sastera yang dicorakkan oleh tulisan wanita juga dapat diketengahkan untuk turut serta dalam pembentukan dan perkembangan sastera seterusnya.

Sasaran dan matlamat kritikan sastera feminis yang mungkin jauh lebih besar cabarannya merujuk kepada apa yang dirangkum secara berkaitan sebagai soal gambaran, stereotaip dan representasi. Feminsime melihat wujudnya satu kecenderungan dalam kalangan penulis lelaki dan karya yang mereka hasilkan untuk merangkum pengalaman wanita dalam pengalaman lelaki dengan andaian bahawa pengalaman lelaki itu bersifat menyeluruh, yakni merupakan pengalaman *manusia* yang meliputi lelaki *dan* wanita. Ini mengakibatkan berlakunya beberapa perkara yang sekali gus merugi dan mencederakan wanita. Pertama, dengan berbekalkan pengalaman lelaki yang kononnya menyeluruh itu, pengalaman wanita yang digambarkan oleh penulis lelaki dalam karya mereka jelas bukan didasarkan kepada pengalaman wanita yang sebenar tetapi tetap diajukan sebagai pengalaman wanita yang sah dan tepat. Ini menurut kritikan feminis, wajar dicabar kerana ia bukan sahaja *menyalahi* pengalaman wanita, malah *bertentangan* dengan pengalaman wanita. Justeru, adalah perlu karya lelaki diteliti dan dirungkai untuk menunjukkan betapa palsuanya gambaran penulis lelaki itu, betapa gambaran

tersebut sesungguhnya ialah hasil daripada ideologi dan andaian-andaian tertentu yang menjadi pegangan dan anutan para penulis dan masyarakat pada sesuatu masa.

Kedua, karya lelaki cenderung untuk membina dan seterusnya mengabadikan stereotaip tertentu tentang wanita. Seperti yang dilihat dalam perbincangan sebelum ini, antara stereotaip yang sering digunakan ialah wanita itu tidak rasional, tidak objektif ataupun tidak pintar, yang dengan jelas menanamkan kecurigaan terhadap kemampuan akal fikiran mereka; malah kerancuan jiwa dan mental seperti yang diabadikan dalam perkataan 'histeria' itu sering menjadi stereotaip pilihan penulis lelaki. Sejajar dengan daya kelemahan daya fikir mereka ialah kompleks Cinderella yang menjadikan mereka menerima dan merelakan ketergantungan kepada lelaki bagi kewujudan dan kebahagiaan mereka. Perlu diingat bahawa sejajar dengan stereotaip negatif wanita seperti yang disebutkan itu ialah stereotaip lelaki yang positif sebagai kebalikan stereotaip wanita itu, dan stereotaip positif bagi lelaki ini secara konsisten dan tekun diusahakan dan dilestarikan. Amalan seperti ini sering dirujuk sebagai 'menghasilkan stereotaip berdasarkan gender' (gender-stereotyping) dan menjadi senjata ampuh dan amat berkesan dimanfaatkan oleh penulis lelaki. Ia merupakan antara ciri penting dalam sastera nukilan penulis lelaki. Justeru, sama seperti halnya dengan soal gambaran diatas, adalah menjadi matlamat dan sasaran kritikan sastera feminis untuk merungkai karya lelaki, terutama yang memperagakan stereotaip berdasarkan gender, guna menyerlahkan kepalsuan stereotaip tersebut serta ideologi yang memungkinkan stereotaip berkenaan untuk terus subur dalam sastera.

Ketiga, andaian bahawa pengalaman lelaki itu adalah pengalaman *manusia* yang bersifat menyeluruh menjadikan pengalaman lelaki itu secara automatik bersifat sejagat atau universal. Apabila bersifat sejagat, ia biasanya dianggap positif, dan dengan itu pengalaman lelaki diterima sebagai positif. Lebih penting lagi, ia diterima sebagai pengalaman yang bersifat mewakili (*representative*), yakni mampu mewakili pengalaman lelaki dan *juga pengalaman wanita*. Justeru, apa jua yang diungkap oleh penulis lelaki tentang wanita itu akan diandaikan tepat, benar dan tidak wajar disanggah, hatta ia bersalahan dengan pengalaman wanita sendiri, seperti yang disebut sebelum ini. Dengan itu keunikan wanita yang diwujudkan dengan kelainan dan keistimewaannya itu dilenyapkan, dan keberadaan wanita serta pengalamannya tidak dapat dihayati secara sewajarnya.

Oleh itu, perkara diatas meletakkan tulisan lelaki sebagai ungkapan pengalaman yang mewakili (*manusia sejagat*) dan juga sebagai budaya sastera majoriti, memungkinkan hasil tulisan lelaki dengan mudah dapat diketengahkan dan diwajarkan sebagai tradisi dan sejarah, seperti yang disebutkan itu. Lantaran diajukan sebagai tradisi dan sejarah, maka ia secara automatik juga diangkat dan diperikan sebagai ilmu. Perihal ia menjadi ilmu adalah sangat penting, dan dalam konteks inilah Humm (1994: 9) memerikan semuanya itu *sebagai the misogynist organisation of knowledge*. Ini merujuk kepada tatacara pengendalian yang bersifat benci-wanita, yang diguna pakai untuk menyusun, mengatur, membentuk atau mengendali ilmu. Dengan itu ilmu yang terhasil dan tersebar akan senantiasa prejudis terhadap wanita. Inilah sebenarnya yang menjadi sasaran feminisme, yakni untuk menghakis dan seterusnya merombak semula *cara pengendalian* ilmu yang


selama ini anti wanita supaya ia lebih objektif, tidak berat-sebelah dan sama sekali tidak bersifat benci-wanita. Dan rombakan ini perlu dilakukan bukan sahaja di dunia akademik, tetapi juga di media dan dalam kalangan masyarakat. Perkara ini semua menjadi urusan (preoccupation) feminisme, kerana seperti Marxisme yang mempengaruhinya, feminisme juga berpendapat usaha setakat memahami keadaan sahaja tidak mencukupi; keadaan tersebut juga perlu diubah. Dan dalam semangat ingin mengubah inilah feminisme menggesa agar usaha dipertingkatkan untuk menghasilkan sejarah penulisan wanita, tatacara bacaan wanita, suara wanita, tatacara rungsaian yang tidak bersifat 'kejantinaan' atau yang dirujuk sebagai *gendered-reading* dan usaha-usaha seumpama itu. Menurut feminisme ini semua adalah untuk menghakis pengendalian ilmu yang bersifat benci-wanita di satu pihak, sementara di pihak lain, dan yang lebih penting lagi, ialah menghasilkan serta mengetengahkan *ilmu* yang benar-benar dapat berlaku adil kepada wanita dan menjadi pengungkap keadaan wanita yang tepat dan sah, yakni yang tidak memangsakan mereka.

Selain itu, salah satu kritikan feminisme iaitu yang diperkenalkan oleh Elaine Showalter pada tahun 1986 telah membuktikan bahawa wanita tidak selemah yang dianggap oleh golongan lelaki melalui empat prinsip teori kritikan feminisme iaitu biologi, pengalaman, psikologi dan sosial. Berdasarkan teori feminisme ini yang jelas menerangkan mengenai hak wanita seiring dengan kajian yang dilakukan pada novel *harga sebuah maruah* yang merupakan salah satu novel yang mengangkat martabat wanita dengan mempamerkan watak utama yang menonjolkan aspek-aspek citra wanita di dalam novel tersebut. Justeru itu, dengan

menggunakan teori feminisme ini ianya dapat mempamerkan lagi harapan dan hak yang dituntut menerusi watak utama iaitu Cah yang mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan yang ditempuhinya bagi merealisasikan matlamat yang mereka inginkan.



3.4 KERANGKA KONSEPTUAL



3.6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini telah menerangkan dan membincangkan secara terperinci berkaitan kaedah kajian dari segi reka bentuk kajian, kaedah kajian, unit analisis, teknik pengumpulan data dan penerapan teori. Justeru itu, melalui kaedah yang digunakan dalam metodologi kajian ini dapat menjadikan kajian berjalan dengan lancar dimana pengkaji dapat menggunakan maklumat tersebut untuk menghasilkan kajian yang bertajuk *Citra Wanita dalam novel Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah aplikasi kritikan feminisme.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, akan memaparkan semua dapatan kajian berdasarkan dapatan yang diperoleh berpandukan objektif dan persoalan kajian yang dibina. Kajian ini mengaplikasikan kritikan feminisme sebagaimana yang telah dimaklumkan di dalam bab 1 bahawa kajian ini mengkaji citra wanita dalam *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah kritikan feminisme. Oleh hal yang demikian, dalam bab ini pengkaji akan mengetengahkan beberapa tanggungjawab yang telah dikenalpasti dalam novel *Harga Sebuah Maruah*. Antara tanggungjawab dikenalpasti adalah tanggungjawab terhadap diri, keluarga dan masyarakat. Justeru itu, dalam menghasilkan kajian ini juga penyelidik akan menganalisis citra wanita yang digunakan dalam novel *Harga Sebuah Maruah*. Seterusnya, Menganalisis prinsip kritikan teori feminisme dalam novel *Harga Sebuah Maruah*.

4.1 Persoalan Tanggungjawab Dalam *Harga Sebuah Maruah*

Tanggungjawab bermaksud mempunyai kewajipan terhadap sesuatu, memikul kewajipan, berkewajipan ataupun menanggung segala-galanya. Abu Urwah (1992: 23-26) mengatakan bahawa tanggungjawab sebagai kewajipan yang harus dilaksanakan atau dilakukan oleh semua orang tidak kira kaum lelaki mahupun kaum wanita mengikut fungsi kejadiannya. Manakala, Musa Shalih Syari (1993: 171) pula mengatakan bahawa tanggungjawab adalah tugas-tugas atau perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh seseorang yang sudah dibebankan syarak dan agama kepadanya. Oleh itu, semua manusia di dunia ini mempunyai tanggungjawab masing-masing. Apabila tanggungjawab telah terlaksana barulah kebahagiaan akan muncul. Oleh itu, aspek tanggungjawab ini terbahagi kepada beberapa aspek antaranya tanggungjawab terhadap diri sendiri, tanggungjawab terhadap keluarga dan tanggungjawab terhadap masyarakat.

4.1.1 Tanggungjawab Terhadap Diri Sendiri

Tanggungjawab terhadap diri sendiri merujuk kepada kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna. Oleh itu tanggungjawab terhadap diri sendiri terbahagi kepada dua aspek iaitu aspek lahiriah dan batiniah. Dari segi aspek lahiriah, kita dapat lihat bahawa seseorang itu giat berusaha dalam mempertingkatkan kemampuan dirinya termasuklah ilmu, kesihatan

diri dan maruah diri. Manakala, dari segi aspek batiniah pula, ianya bersangkutan dengan jiwa seseorang itu perlu diisi dengan sesuatu yang dapat memberikan ketenangan dan kesejahteraan seperti penghayatan kepada agama dan semangat cintakan negara. Justeru itu, aspek tanggungjawab terhadap diri sendiri ini dapat dilihat pada petikan teks seperti berikut:

Kader yang baik hati menawarkan khidmatnya, kalau nak beli sekali bolehlah, senang kempit benih itu dihantar dengan van. Cah kata tak apalah. Tapi Cah tidak beritahu yang duitnya tidak cukup. Tapi pada petang itu duit pun ada, lalu Hijrahlah yang disuruhnya.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 3)

Berdasarkan petikan teks di atas, aspek tanggungjawab terhadap diri sendiri ini telah digarapkan oleh pengarang menerusi watak Cah. Perkara ini dapat dilihat melalui kelakuan Cah yang menolak pelawaan Kader untuk membantunya kerana Cah merasakan bahawa dirinya bertanggungjawab untuk menanggung kesusahan yang dihadapinya tanpa menyusahkan orang lain. Oleh itu, perwatakan Cah ini jelaslah menunjukkan rasa tanggungjawab terhadap dirinya sendiri kerana Cah merupakan seorang tuan sawah padi tersebut. Walau bagaimanapun, Cah merupakan seorang yang akan berpegang pada pendirian tetapnya dengan tidak mengaitkan orang lain dalam masalah yang dihadapi selagi masalah itu dapat diselesaikan olehnya.

Selain itu, tanggungjawab terhadap diri sendiri juga dapat dilihat meliputi aspek batiniah. Hal ini dikatakan demikian, kerana tanggungjawab juga tergolong

dalam tugas-tugas atau perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh seseorang. Seperti yang kita ketahui bahawa aspek batiniah ini menjadi kewajipan bagi umat Islam dimana ianya meliputi amal ibadah yang dilakukan serta amalan yang dikerjakan. Dalam agama Islam juga menuntut umatnya untuk berpegang teguh pada agama dan menjadikan agama itu sebagai teras untuk menuju ke jalan yang benar dan dirahmati. Justeru itu, tanggungjawab terhadap diri menerusi aspek batiniah ini dapat dilihat melalui petikan teks seperti berikut:

Akan tetapi, malam itu Cah berasa satu perubahan pula. Bahana petang tadi menjadikan dia resah. Selalunya kalau malam Jumaat dibacanya Yasin untuk sedekah arwah suami, ibu bapa dan kaum kerabat, kaum Muslimin dan Muslimat.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 1)

Berdasarkan petikan teks di atas, pengarang telah menerapkan aspek tanggungjawab terhadap diri sendiri melalui aspek batiniah. Sehubungan dengan itu, batiniah ini berhubungkait dengan diri seseorang yang bersangkutan dengan alam-alam ghaib dan mistik. Dalam konsep agama Islam, aspek batiniah ini berkait mengenai ibadah yang perlu dilakukan oleh umatnya demi mencari keredhaan Illahi. Justeru itu, melalui teks tersebut menunjukkan situasi dimana bacaan Yasin menjadi amalan yang sering dilakukan oleh umat Islam dikala malam Jumaat. Selain itu, amalan ini menjadi rutin mingguan kepada umat Islam dimana bacaan yasin ini akan disedekahkan kepada keluarga terdekat dan juga kaum muslimin dan muslihat. Melalui amalan yang dilakukan ini jelas memperlihatkan tanggungjawab

terhadap diri ini juga meliputi aspek keagamaan yang menjadi nadi kepada semua umat manusia.

4.1.2 Tanggungjawab Terhadap Keluarga

Nilai kasih sayang menjadi satu fitrah manusia yang kewujudannya tanpa dijangka iaitu hasil daripada satu perasaan yang halus dan tersemai kepada setiap manusia. Begitu jugalah keluarga yang selalu berada di samping kita sewaktu susah dan senang. Justeru itu, setiap individu mempunyai kewajipan dalam menggalas peranan dan tanggungjawab terhadap keluarganya. Tanggungjawab terhadap keluarga bukan sahaja melibatkan ibu bapa namun ianya turut melibatkan semua ahli keluarga dimana masing-masing memegang tanggungjawab untuk memastikan keluarganya bahagia dan juga menjaga imej serta maruah keluarga. Seperti yang kita ketahui bahawa menggalas tugas sebagai ketua keluarga adalah tanggungjawab yang sangat besar dimana segala hal berkaitan dengan keluarga harus digalah. Hal ini dikatakan demikian, kerana terbinanya sebuah keluarga yang bahagia itu adalah terhasil daripada penat lelah ibu bapa yang bertungkus lumus membesarkan dan menjaga anak-anak mereka sehingga besar dan berjaya. Namun begitu, disebalik kecekalan ketua keluarga menerusi novel *Harga Sebuah Maruah* ini menjadikan seorang ibu tunggal yang gigih membesarkan dua orang anaknya. Justeru itu, aspek tanggungjawab terhadap keluarga ini dapat dilihat pada petikan teks seperti berikut:

Maka sesekali Cah pun mengelibar kain telekung. Terlupa hendak merendam pulut untuk dikukus buat makan pagi esok kegemaran Hijrah, anak lelaki keduanya yang berusia 30-an, yang dikata orang pemuda bodoh-bodoh alang, lembik lempam dan kalap itu.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 1)

Berdasarkan petikan teks di atas, tanggungjawab terhadap keluarga ini dapat dilihat melalui tindakan seorang ibu terhadap anaknya. Seperti yang kita ketahui bahawa anak-anak adalah amanah Allah kepada kedua ibu bapanya. Tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak antaranya ialah memberi makan, pakaian, pendidikan dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, pengarang telah mengarpakan aspek tanggungjawab terhadap keluarga dengan mengetengahkan citra wanita yang kuat dalam menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga dan ibu kepada kedua anaknya. Oleh itu, pengarang telah menunjukkan situasi dimana seorang ibu yang gigih menyiapkan sarapan terhadap anaknya. Hal ini menunjukkan bahawa Cah ini betul-betul melaksanakan tanggungjawabnya dimana dia selalu teringatkan untuk menyediakan barang untuk menyiapkan sarapan keesokan harinya untuk Hijrah.

Selain itu, Tanggungjawab terhadap keluarga juga menjadikan ibu bapa sebagai utusan dalam membimbing serta membesarkan anak-anak mereka untuk menjadi manusia yang berguna. Seperti yang kita ketahui bahawa anak-anak adalah amanah daripada Allah kepada kedua-dua ibu bapanya. Sedemikian itu, sudah menjadi satu asbab ibu bapa memainkan peranan dalam memberikan didikan dan ajaran kepada anak-anak mereka sejak kecil lagi bak kata pepatah “melentur buluh

biarlah dari rebungnya” yang membawa maksud mendidik anak biarlah sejak mereka kecil lagi. Oleh itu, setiap perkara yang dilalui serta dipelajari oleh anak-anak akan menerima apa saja yang diajarkan kepadanya. Tegasnya, jika dibiasakan anak-anak itu dengan perbuatan yang baik ia akan membesar dalam keadaan tersebut. Sebaliknya, jika anak-anak itu dibiasakan dengan perbuatan jahat dan dicuakan pendidikannya, tentu sekali akan menjadi binasa dan rugi. Namun begitu, ada juga anak yang telah diberikan ajaran dan pendidikan yang baik namun tidak kenang budi dan lupa diri dek kerana merasakan dirinya terlalu agung untuk disembah. Justeru itu, aspek tanggungjawab terhadap keluarga dapat dilihat melalui petikan teks seperti berikut:

“Bodoh, bangang! Duit beratus ribu masih tak nampak.” Sulaiman bersungut dan berdiri cepat. “Pak long, mari!” katanya sambil membetul-betul pinggang seluar lalu tunduk kepada Cah. “Mak, saya balik dulu. Saya minta maaf. Hijrah memang tak boleh berunding.” Lalu dengan bebal Sulaiman bergegas turun.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 221)

Berdasarkan petikan berikut, menunjukkan bahawa kelakuan seorang anak yang bergaduh di depan ibunya dengan mengeluarkan kata-kata kesat menjadikan ibunya sangat terasa atas sikap yang ditunjukinya. Justeru, pengarang mengarpakan situasi berikut melalui watak Sulaiman yang merupakan anak sulung Cah yang bekerja di Kuala Lumpur. Melalui watak Sulaiman itu jelas memperlihatkan kelakuannya yang cukup kurang ajar dan mata duitan dimana Sulaiman menyanggah

keputusan Cah untuk berjuang dalam mempertahankan sawah padinya daripada diambil oleh orang berkuasa dan menghasut ibunya untuk menerima pampasan yang tidaklah sebesar maruah mereka. Justeru, melihat watak Sulaiman yang berperwatakan kurang ajar ini menjadi tanda tanya dimana peragainya sangat bercanggah dengan adiknya iaitu Hijrah. Jika dibandingkan Sulaiman dengan Hijrah, Sulaiman merupakan orang yang lebih berpelajaran berbanding dengan Hijrah yang bebal. Namun begitu, sikap kurang ajar Sulaiman itu akhirnya disudahi dengan permohonan maaf kepada ibunya. Di sini kita dapat lihat, walau semarah manapun Sulaiman dia tetap menghormati ibunya kerana dia tahu bahawa ibunyalah yang mendidiknya selama ini pasti merasa kecewa atas kelakuan yang dilakukan olehnya.

4.1.3 Tanggungjawab Terhadap Masyarakat

Masyarakat merupakan kelompok manusia yang selalu berada paling hampir di tempat tinggal kita. Seperti yang kita ketahui bahawa hidup bermasyarakat ini memerlukan amalan serta haruslah mengamalkan konsep bertimbang rasa antara satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana tanggungjawab terhadap masyarakat ini meliputi pertolongan iaitu pertolongan ketika ditimpa bencana atau musibah dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, setiap individu mestilah memainkan peranan dalam memastikan masyarakat di sekeliling hidup dalam aman dan harmoni. Menerusi novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi haji Abdullah

menceritakan citra wanita dalam memperjuangkan sawah padi dari diambil oleh pihak berkuasa. Tidak dinafikan bahawa kaum wanita juga bertanggungjawab sebagai ahli masyarakat dimana secara dasarnya mereka tidak dihalang untuk melibatkan diri dalam kegiatan sosial mahupun fizikal. Sehubungan dengan itu, terdapat pelbagai cara yang dilakukan bagi menyelesaikan masalah tersebut sehingga penduduk kampung bersepakat dalam membanteras penindasan itu. Oleh itu, aspek tanggungjawab terhadap masyarakat ini dapat dilihat pada petikan teks seperti berikut:

“Saya kata saya mewakili lebih 80 petani di sini untuk mendapat penjelasan,” beritahunya. “Tapi malangnya saya seorang saja yang dibenarkan masuk, tidak Kader. Seolah-olah saya saja yang berjuang dengan sawah saya. Kerana saya pergi atas nama ramai. Tetapi pegawai itu bercekak pinggang dengan sombong, mencabar saya supaya melakukan sesuatu!”

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 161)

Berdasarkan petikan teks tersebut, pengarang telah mengarpakan aspek tanggungjawab terhadap masyarakat dengan menghidupkan watak Azmi yang merupakan seorang yang cekal, berani dan sangat bertanggungjawab melaksanakan tugasnya sebagai penduduk kampung Kertau. Hal ini dikatakan demikian, kerana penduduk kampung Kertau bersetuju untuk bersatu dalam memperjuangkan tanah sawah padi kepunyaan mereka dari diambil oleh pihak berkuasa bagi tujuan pembangunan. Penyatuan penduduk kampung Kertau ini jelas menunjukkan aspek

kemasyarakatan yang tinggi dimana mereka bertungkus lumus dalam menyelesaikan masalah ini. Dengan berwakilkan Azmi untuk berunding dengan pihak atasan mengenai status tanah sawah padi itu, menunjukkan keberanian dan kesanggupannya dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai penduduk kampung tersebut. Oleh itu, melalui perwatakan Azmi ini jelas menunjukkan tanggungjawab yang digalas bagi mempertahankan hak petani yang teraniaya dalam menuntut keadilan.

Seterusnya, tanggungjawab terhadap masyarakat meliputi konsep mengambil berat mengenai keberadaan serta keadaan masyarakat yang lebih dikenali sebagai jiran sekeliling. Seperti yang kita tahu bahawa jiran dianggap sebagai ahli keluarga sendiri dimana mereka merupakan orang yang paling dekat dengan kediaman kita. Jika berlakunya sebarang masalah, jiranlah salah satu orang yang kita rujuk untuk mengadu atau meminta pertolongan. Sehubungan dengan itu, masyarakat atau jiran juga merupakan satu amanah dimana kita harus saling menjaga mereka dan sentiasa menawarkan atau memberi pertolongan serta menjaga manjalinkan hubungan yang baik dengan mereka. Justeru itu, aspek tanggungjawab terhadap masyarakat dapat dilihat melalui petikan teks seperti berikut:

MALAYSIA

KELANTAN

Sayur-sayuran untuk makan harian memang tidak pernah beli. Bersungut saja, Hijrah akan memetik petola atau kacang panjang atau kacang bendi atau terung. Kadang-kadang kalau terlebih, Cah suruh sedekah kepada jiran.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 17)

Berdasarkan petikan teks di atas, jelas dapat dilihat tanggungjawab terhadap masyarakat juga meliputi cara kita mengambil berat serta menjalinkan hubungan baik dengan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap perlakuan yang dilakukan itu dikira sebagai amalan yang pastinya ada dibalas sama ada di dunia dan akhirat. Seiring dengan tuntutan agama yang menekankan bahawa hidup bermasyarakat ini haruslah saling bertoleransi dan menolong antara satu sama lain. Melalui petikan teks tersebut, pengarang mengarpakan aspek tanggungjawab terhadap masyarakat ini adalah dengan menghidupkan watak Hijrah sebagai seorang anak yang jika mendengar keluhan ibunya pasti dia akan menunaikan hajat ibunya itu. Namun begitu, tidak semua hidup dalam keadaan senang, dimana ada juga masyarakat yang hidup dalam serba kekurangan. Oleh itu, Cah yang merupakan seorang ibu tunggal sangat mengambil berat tentang jiran-jirannya dengan mengkongsikan rezeki kepada mereka.

4.2 Citra Wanita Dalam *Harga Sebuah Maruah*

Citra wanita yang diterapkan dalam sesebuah novel adalah bertujuan untuk memberi gambaran mengenai sifat wanita yang bukan sahaja dapat mengubah persepsi masyarakat mengenai wanita yang lemah kepada wanita yang mempunyai semangat dalam perjuangan hak serta kepentingan wanita dalam masyarakat. Hal ini telah memberikan titik fokus kepada hak keserataan kepada peranan wanita dalam menuntut hak seperti kaum lelaki yang lain. Justeru itu, menerusi novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah telah mewujudkan watak wanita seperti Cah yang dilihat dalam memperjuangkan akal fikiran perjuangan wanita bagi mencetuskan kesedaran kepada khalayak berkenaan hak dan kebebasan wanita seperti yang diperolehi lelaki.

4.2.1 Perjuangkan Hak Dan Kepentingan Wanita Dalam Masyarakat

Wan Abdul Hamid Wan The (1998: 8) menyatakan bahawa hakikatnya perjuangan yang diperjuangkan oleh wanita kini ialah hak mereka menampilkan diri dalam masyarakat dan dalam batas kemampuan mereka. Hal ini dikatakan demikian, kerana mereka memohon dan menginginkan agar hak mereka dilindungi dan dipertahankan. Rata-rata wanita tidak rela dipermainkan dan jauh sekali diperdagangkan dimana jika kita lihat masalah sosial masa kini menjadikan wanita

ini sebagai bahan yang bersifat negatif. Namun begitu, dalam usaha penonjolan diri, wanita perlu mengelakkan diri daripada menjadi kelompok yang asing daripada hakikat diri mereka sebagai rakan kongsi dalam urusan hidup insan seluruhnya. Justeru itu, aspek perjuangan hal dan kepentingan wanita dalam masyarakat dapat dilihat pada petikan teks seperti berikut:

Cah sebenarnya tidak sedar pun apabila dikatakan ia seorang perempuan yang bingal dan suka menentang arus pembangunan. Yang dirasainya, sawah adalah nadi-nadinya yang tidak boleh diusik, sawah adalah peninggalan datuk neneknya, yang dipertahankan oleh suaminya dulu dan ingin menyambung wasiat suami betapa sawah mesti diusahakan. “Dengan kita hidup dan menyara anak-anak kita. “Demikian kata suaminya 25 tahun yang lalu.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 28)

Berdasarkan petikan tersebut, Azizi Haji Abdullah telah memotretkan watak Cah sebagai seorang wanita yang mempunyai semangat yang tinggi dan berpendirian tegas dalam menuntut haknya. Melalui watak Cah ini jelas menampakkan konsep memperjuangkan maruah dan nilai terhadap sawah padi miliknya yang ingin diambil oleh pihak berkuasa untuk tujuan kemajuan pembangunan sehingga disifatkan sebagai seorang wanita yang kuat dan degil. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan pemikiran pengarang di Malaysia ini sudah membuka minda mereka dalam menghasilkan karya yang menjadikan kedudukan

wanita dipandang tinggi setaraf dengan kaum lelaki. Rentetan itu, disebalik watak utama yang mencitrakan kehidupan wanita tua dan ibu yang tegas serta bertanggungjawab terhadap kedua anaknya iaitu Hijrah dan Sulaiman, namun dalam masa yang sama mempunyai semangat yang berkobar dalam menegakkan hak harta pusaka masyarakat petani.

4.2.2 Pendirian Tersendiri Dalam Menyara Keluarga

Dalam novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah ini telah memaparkan kegiatan atau pekerjaan yang dilakukan oleh masyarakat kampung Kertau ini antaranya menanam padi dan bercucuk tanam. Seperti yang kita ketahui bahawa, setiap wanita mempunyai pendirian tersendiri dalam melakukan banyak hal terutamanya dalam melaksanakan tugas untuk menyara keluarga. El Saadawi, Nawal (1993:58) mengatakan bahawa di dalam tradisi Arab meletakkan tanggungjawab mutlak mencari nafkah kepada suami, sedangkan isteri hanya terlibat dalam sektor domestik dan urusan rumahtangga. Sehinggalah pembahagian aspek pekerjaan sudah mengakar dan sukar diubah kerana sudah sebatikan dengan fenomena semua jadi kehidupan masyarakat Melayu. Oleh itu, keterlibatan wanita dalam sektor ekonomi dan pekerjaan begitu terbatas. Namun begitu, ianya bercanggah dengan pemikiran yang pengarang yang cuba mengubah stigma masyarakat melayu untuk membuka minda berkenaan status wanita di dalam bidang pekerjaan. Justeru itu, aspek

pendirian tersendiri dalam menyara keluarga ini dapat dilihat pada petikan teks seperti berikut:

Hidup Cah tidak pernah berasa sunyi. Walaupun tidak bersuami, walaupun tidak ada dunia lain daripada dunia yang dihadapinya. Erti hidup bagi Cah hanyalah tiga relung sawah peninggalan arwah bapanya yang kemudiannya diusahakan oleh suami, kemudian dia sendiri, bersama-sama Hijrah.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 1)

Berdasarkan petikan teks di atas, pangarang telah mengarpakan watak Cah sebagai individu yang mampu menjadi wasilah penggerak ekonomi keluarga. Seperti yang kita ketahui bahawa Cah merupakan seorang ibu tunggal yang menyara kehidupan anak-anaknya setelah kematian suami. Oleh itu, pendirian Cah ini dalam menyara keluarganya begitu kuat dan ianya mampu mengubah persepsi masyarakat Melayu terhadap kaum wanita yang hanya bergantung kepada kaum lelaki. Antara pekerjaan yang dilakukan oleh Cah adalah melakukan aktiviti bercucuk tanam padi yang menjadi punca utama pendapatan Cah dan juga penduduk kampung Kertau. Sehubungan dengan itu, perkara ini bukan menjadi suatu fenomena yang baharu kepada wanita untuk memainkan peranan ganda dalam kehidupan seharian, yang mana selain hanya menjalankan aktiviti domestik dirumah, wanita turut membanting tulang untuk mengukuhkan penjanaan ekonomi keluarga.

Sedemikian itu, sebagai seorang wanita tua yang sudah kematian suami tidak menjadikan Cah sebagai alasan untuk lemah dan tidak semangat melakukan kerja

harian. Hal ini dikatakan demikian kerana, memegang amanah sebagai ketua keluarga setelah kematian suaminya bukanlah mudah. Rentetan itu, menjadikan Cah gigih mengajar anak-anaknya untuk hidup susah dan belajar mengenai sawah padi supaya kelak mereka akan terbiasa dengan hal tersebut. Justeru, aspek pendirian tersendiri dalam menyara keluarga dapat dilihat melalui petikan teks seperti berikut:

Ada sembilan kampil benih yang dimasukkan dalam guni sudah direndamnya. Itu pun Cah suruh Hijrah rendam. Cah bukan penyegan atau pemalas, tetapi Cah mahu sedikit sebanyak Hijrah kena kerja juga fasal sawah. Cah hendak ajar Hijrah buat sawah dengan sempurna.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 3)

Berdasarkan petikan teks diatas, pengarang menerapkan watak Cah ini sebagai wanita yang mempunyai pendirian yang kukuh dan berfikiran jauh. Hal ini dikatakan demikian, kerana Cah yang merupakan seorang petani yang sudah tua dimakan usia. Justeru itu, Cah ingin mewariskan tanah sawahnya itu kepada anak keduanya iaitu Hijrah. Hijrah merupakan anak yang sangat menyukai sawah padi sejak kecil lagi. Oleh itu, Cah telah mendidik Hijrah untuk berjinak-jinak dengan sawah padi dengan menyuruh dan mengajarnya melakukan kerja sawah.

4.2.3 Keberanian Untuk Bersuara

Keberanian merupakan satu tindakan yang ditunjukkan oleh seseorang perlakuan seseorang melebihi dirinya sendiri. Tindakan ini dilakukan seiring dengan rasa yang melonjak dalam diri untuk mempamerkan kebolehan serta rasa dalam membentek tanggapan negatif serta mempertahankan maruah diri. Siti Khariah Mohd Zubir (2012) mengatakan bahawa kaum wanita sinonim dengan sifat lemah lembut, akur dan tidak berani menyuarakan pendapat yang tersirat di dalam hati. Hal ini mempunyai kaitan dengan personaliti yang sinonim hasil daripada jati diri pemikiran Melayu tradisional. Melalui konteks perbincangan, jelas memperlihatkan karya Azizi Haji Abdullah ini telah menfokuskan aspek pembangunan sifat serta perjuangan harta oleh figura wanita tua yang diterapkan dalam watak Cah. Hal ini dikatakan demikian, kerana kemunculan mengenai hal bersuara turut didominasi oleh kaum wanita demi memelihara hak warisannya. Justeru itu, aspek keberanian untuk bersuara dapat dilihat pada petikan teks seperti berikut:

“Derani, kami nak makan apa lepas ni?” Tiba-tiba Cah bangun. Tak disangkanya dia tiba-tiba jadi berani dan diri sendiri hairan pada dirinya apabila dilihat kiri kanan, dia saja yang berdiri. Tapi terasa pula hembusan semangat daripada Habibah di sisinya.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 23)

Berdasarkan petikan di atas, jelas menunjukkan perjuangan dalam menegakkan suara Cah yang memberontak terhadap eksploitasi kerajaan demi

keuntungan pembangunan. Dimana, Azizi Haji Abdullah menyulam suatu obligasi kedalam watak Cah yang menjadi pemimpin kelompok wanita dalam menyampaikan mesej untuk menegakkan keadilan dan hak yang sepatutnya tidak di manipulasi. Azizi Haji Abdullah menggunakan novel sebagai suatu layar dalam menyampaikan kebaikan dalam memartabatkan perjuangan golongan wanita. Hal ini dipengaruhi oleh pemikiran wanita kini yang terbuka mindanya dari sudut pendidikan, kebebasan memiliki harta, mengundi serta bebas bersuara di dalam komuniti masyarakat. Sejajar dengan pegangan Mary Wollstnecraft (1789) yang sering mempertahankan kemampuan wanita meliputi aspek ilmu pengetahuan, interaksi dalam penilaian, bersuara dan berkeupayaan memilih.

4.2.4 Penggunaan Bahasa Halus Dan Sopan

Menurut Norfaizah Ghazali dan Fazilah Husin (2018) mengatakan bahawa pengarang kebiasaanya menggunakan perlambangan atau metafora dalam menyalurkan sesuatu pemaknaan atau mesej yang penting kepada khalayak. Hal ini kerana, penggunaan metafora digunakan sebagai wasilah pemikiran pengarang yang lazimnya sukar untuk dilafazkan dengan kata tersurat. Sejajar dengan pendapat Lakoff (1980) yang mengatakan bahawa unsur metafora merupakan langkah dalam memahami dan mengalami sesuatu perkara secara kritis. Sebagaimana Azizi Haji Abdullah menggunakan metafora sebagai usahanya melaungkan suara kaum wanita

yang sering dibisukan. Justeru itu, aspek penggunaan bahasa sopan dan halus dapat dilihat pada petikan teks seperti berikut:

Cah menepuk bahu Hijrah, menjadikan Hijrah mengembang dadanya. “Mak cik pernah dengar kata-kata orang tua; rumput menyusu dari unsur tanah dan domba melahap rumput. Serigala memangsa domba, badak membunuh serigala. Singa memburu badak dan kematian menamatkan hayat kekuatan singa. Adakah kekuatan lain yang rapat mengalahkan kematian dan mengubah rantai ketidakadilan menjadi keadilan abadi? Adakah kerana kekuatan lain dapat mengubah keadilan?”

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 204)

Berdasarkan petikan teks di atas, menunjukkan penggunaan bahasa halus dalam mempengaruhi tingkah laku dan pemikiran orang yang mendengarnya dimana Cah menggunakan ungkapan metafora untuk menyindir Pegawai polis secara halus dan tanpa mengikut emosi percakapan. Oleh hal yang demikian, penggunaan perlambangan di dalam ungkapan tidak berfungsi untuk meletakkan kedudukan wanita dibawah, namun mencerminkan seni kesantunan bahasa yang indah di dalam sifat wanita Melayu. Sehubungan itu, Azizi Haji Abdullah telah merias bahasa pertuturan yang digunakan oleh watak Cah dalam menegur masyarakat yang gelap dengan pangkat dan merasakan kedudukan mampu memanipulasi masyarakat lain. Dimana, mesej utama yang ingin disampaikan oleh pengarang adalah segala kekuasaan dan pergantungan hanya kepada Allah, maka kepercayaan yang kuat

kepada agama dapat dilihat daripada watak Cah. Rentetan itu, watak Cah yang menggunakan pertuturan halus di dalam kata-katanya mencerminkan budi bahasa yang tinggi serta kecantikan yang kekal abadi wanita Melayu. Hal ini selari dengan perlambangan sifat wanita yang cakna terhadap persekitaran yang berlegar sekitarnya merangkumi aspek pengajaran dan nasihat daripada pertuturan sopan dan halus.

4.2.5 Keperibadian Yang Menawan

Keperibadian yang menawan merujuk kepada tingkah laku baik atau positif yang dilakukan oleh seseorang dapat membuat masyarakat sekitar terpegun. Hal ini dapat dilihat, melalui novel ini yang tertumpu kepada kehidupan wanita utama yang bernama Cah. Cah adalah salah seorang petani sawah padi yang mempunyai kecekalan, kuat semangat dan teguh pendirian sehinggakan menjadi penggerak kaum wanita kampung dalam membela nasib tanah yang ingin dibeli demi tujuan pembangunan. Walaupun umur Cah sudah hampir 60 tahun, akan tetapi semangat kasih yang besar kepada tanah menjadikan keperibadian yang luar biasa terpancar sehingga menawan khalayak untuk membacanya. Justeru itu, aspek keperibadian yang menawan dapat dilihat melalui petikan teks seperti berikut:

Memang pun Cah sedar dia sudah tua. Sudah hampir 60 tahun. Tetapi Cah masih mampu mengerjakan sawah tiga relung tanpa upah yang bukan-bukan. Cah sedar dia tidak seperti orang lain. Tiga

relung apalah sangat. Menabur dan kini menyerak boleh dilakukan seorang diri. Cabut rumput, menyembur racun juga boleh seorang diri. Lainlah kalau putar jerami atau menuai pakai jentera.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 8)

Berdasarkan petikan teks di atas, jelas menunjukkan dua situasi yang memancarkan keperibadian Cah yang semangatnya tinggi. Selari dengan pernyataan Ida Roziana Abdullah dan Abdul Halim Ali (2019) yang mendefinisikan bahawa peribadi adalah kombinasi diantara keadaan ilmu dengan akhlak seseorang individu. Oleh itu, keperibadian seseorang mampu memancarkan watak seseorang individu sehingga menjadi penguat kepada masyarakat sekeliling. Sehubungan dengan itu, pengarang telah mengarapkan watak Cah mampu memberi tiupan semangat kepada masyarakat muda untuk tidak bermalasan dan terus membanting keringat demi kelangsungan hidup walaupun sudah lanjut usia.

Selain itu, keperibadian yang menawan juga dapat dilihat melalui tindakan yang dilakukan dengan tidak mementingkan diri sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, tindakan yang dilakukannya itu menunjukkan bahawa diri seseorang itu mempunyai pendirian yang kukuh terhadap suatu perkara. Seperti yang dapat kita lihat dalam novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah melalui watak cah yang hanya memikirkan sawah miliknya itu daripada dirinya sendiri. Justeru itu, aspek keperibadian yang menawan ini dapat dilihat pada petikan teks seperti berikut:

“Mak tak penting. Yang penting sawah. Jangan tinggalkan sawah nanti dia kecik hati,” kata emaknya ketika dia menziarahi petang

kelmarin dan sekaligus dia juga dapat mengunjung Habibah dan Saad. Anehnya yang kekar semangat, yang tabah hati, yang keras jiwa bukan saja emaknya, bahkan juga Habibah dan Saad. Tidak ada tanda kesal dan mahu mengalah.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 288)

Berdasarkan petikan teks di atas, jelas menunjukkan keperibadian Cah yang jitu dalam pendirian walaupun di reman beberapa hari. Sehingakan tiada setitik penyesalan serta air mata yang mengalir daripada tubir tua itu. Rentetan itu, Azizi Haji Abdullah telah memberikan watak Cah yang mencerminkan ilmu pengetahuan, pegangan serta matlamat seorang ibu, anak serta petani yang berjiwa besar. Semangat Cah yang kuat dan utuh dalam mempertahankan hak sawah padi setanding semangat Azmi dan kaum lelaki yang lain. Oleh itu, melalui konteks perbincangan, novel Harga Sebuah Maruah jelas mengetengahkan watak Cah sebagai pejuang serta pembela nasib golongan petani.

4.2.6 Kecekalan Wanita Melayu

Kecekalan wanita Melayu merujuk kepada sifat wanita Melayu yang dinilai dari sudut budaya Melayu tradisional, mereka sebagai individu yang bijak bermain dengan perasaan. Hal ini dikatakan demikian kerana wanita dari sudut agama Islam dipandang tinggi dimana mereka mempunyai kekuatan dan keupayaan dalam

menguruskan kehidupan tanpa meminta pertolongan orang. Justeru itu, aspek kecekalan wanita Melayu ini dapat dilihat melalui petikan teks seperti berikut:

Berlinanglah air mata Cah mendengar kata-kata Sulaiman, anaknya itu. Dia sedaya upaya tidak mahu menampakkan kepada Sulaiman air mata sedihnya. Lalu disekanya cepat kerana tidak mahu Sulaiman menyangka sedihnya itu sedih kerana Hijrah kena tahan, sedangkan sedihnya adalah kerana kata-kata Sulaiman yang menggambarkan sudah hilang keakraban darah daging sendiri.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 166)

Berdasarkan petikan teks di atas, Azizi Haji Abdullah telah menggarapkan emosi sedih di dalam watak Cah yang terkilan akan kelakuan anak sulungnya yang seolah melupakan asal usul sebagai seorang anak petani sawah padi dan tidak mempunyai inisiatif untuk membebaskan Hijrah daripada tahanan reman. Kecekalan wanita Melayu ini dapat dilihat walaupun kesedihan menyelubungi diri, namun Cah begitu kuat untuk tidak melayani emosinya sehingga menjadi lemah. Situasi emosi ini jelas menunjukkan kecekalan hati Cah dalam melawan gejala kekesalan demi saluran kekuatan kepada anak bongsunya, Hijrah. Secara hakikatnya, Azizi Haji Abdullah di dalam karyanya *harga sebuah maruah* telah memperakui bahawa wanita Melayu itu telah dididik dengan ketertinggian nilai budaya Timur yang menekankan aspek nilai murni dalam jiwa selari dengan tuntutan Islam.

4.3 Prinsip Kritikan Teori Feminisme Dalam *Harga Sebuah Maruah*

Wanita merupakan ciptaan Allah yang mempunyai sifat yang penuh kelembutan, keayuan dan kesopanan. Justeru itu, keistimewaan yang dimiliki oleh kaum wanita menjadikan mereka sebagai tiang dalam sesebuah rumahtangga, masyarakat dan Penglibatan watak-watak wanita yang dibawa mereka dalam novel sangat menarik untuk dilihat dan dikaji memandangkan perspektif wanita dalam teks adalah terdiri daripada perspektif wanita itu sendiri. Justeru itu, menerusi pendekatan kritik feminis yang diperkenalkan oleh Elaine Showalter (1979) telah membuka mata masyarakat berkaitan dengan status wanita dalam karya sastera yang ditulis oleh pengarang lelaki.

4.3.1 Biologi

Biologi seringkali dikaitkan dengan sains dimana ianya dikaitkan dengan kejadian manusia. Namun begitu, dalam teori feminisme ini ianya bersangkutan dengan penulisan yang mengetengahkan peranan atau figura wanita yang menggalas tugas sebagai seorang ibu, isteri, kakak dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila membincangkan mengenai aspek biologi jangan hanya tertumpu kepada tubuh wanita tetapi perlu berfikir lebih jauh daripada itu. Sehubungan dengan itu, aspek biologi ini telah menekankan bahawa pentingnya tubuh badan

wanita sebagai sumber inspirasi dalam tulisan mereka. Justeru itu, aspek biologi dapat dilihat melalui petikan teks seperti berikut:

Petang kelmarin dulu pun Cah ke sawah juga. Kadang-kadang Leha hairan orang tua sepertinya masih bertenaga turun ke sawah, melakukan itu dan ini. “Aku hidup dengan sawah, masakan aku boleh jemu,” katanya apabila Leha bersungut begitu, ketika berehat setelah sejam lebih mereka menyerak benih.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 49)

Berdasarkan petikan teks di atas, pengarang telah menggarap aspek biologi yang sering dilihat figura wanita yang mempamerkan kecantikan muka, bentuk badan, jalannya yang lemah lembut dan ciri-ciri fizikalnya. Namun begitu, pengarang Azizi Haji Abdullah ini memberikan kelainan dalam berkarya dimana beliau mementingkan hal-hal yang bersangkutan dengan tanggungjawab wanita yang menjadi tulang belakang sesebuah keluarga. Kekuatan yang diperolehinya bukan sahaja dari aspek fizikal atau tubuh badan malah ianya datang dari semangat yang ditanam dan dipupuk sejak kecil lagi yang menjadikan Cah ini terlalu sayang untuk meninggalkan pekerjaan sawahnya itu selagi kudratnya masih ada.

MALAYSIA

KELANTAN

4.3.2 Pengalaman

Pengalaman mempunyai perkaitan dengan aspek biologi dimana ianya melibatkan perkembangan tubuh badan wanita yang merupakan suatu pengalaman sejak mereka dilahirkan sehingga tua. Seperti yang kita ketahui, bahawa pengalaman ini memberikan satu kesan dimana seseorang itu membesar melalui didikan ibu bapa dan kawasan persekitaran yang menjadikan perwatakan mereka seiring dengan apa yang pernah dilaluinya. Justeru itu, pengalaman yang dirasai oleh kaum wanita dan kaum lelaki adalah berbeza misalnya pengalaman melahirkan anak hanya dihadapi oleh kaum wanita sahaja. Selain itu, wanita juga telah diasuh dan dididik dari kecil lagi untuk menjelmakan sifat keperempuanan mereka sebagai contoh menolong ibu membuat kerja rumah berbanding dengan kaum lelaki. Justeru itu, aspek pengalaman ini dapat dilihat melalui petikan teks seperti berikut:

Cah teringat dulu-dulu, sewaktu kecil dulu, emaknya selalu ajar tentang sawah dari mula hingga akhir. Kadang-kadang emaknya berlucu pantun dan bernyanyi supaya dia tidak jadi jemu sewaktu menunggu padi benih bermata. Cah tahu itu bukanlah adat tradisi tetapi sengaja emaknya mereka-reka supaya dia tidak mengantuk, dan pantun dan nyanyian itu tentunya pusaka datuk nenek.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 9)

Berdasarkan petikan teks di atas, menunjukkan pengalaman yang dilalui oleh Cah ini adalah hasil daripada ibu dan bapanya yang bertungkus lumus mengajarnya

berkaitan tentang sawah dari awal hingga akhir. Hal ini dikatakan demikian kerana, sawah padi merupakan sebuah nyawa mahupun maruah bagi penduduk kampung Kertau dimana setiap ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menurunkan ilmu kepada anak mereka supaya tradisi ini tidak luput dek zaman. Bahkan pada masa kini juga, walaupun terdapat banyak teknologi canggih yang lebih memudahkan golongan petani ini, namun Cah juga akan mengikuti petua-petua lama semasa proses penanaman padi.

Selain itu, aspek pengalaman ini juga dapat dilihat melalui cara didikan keluarga dan kawasan sekitar. Hal ini dikatakan demikian kerana ianya dapat mendorong seseorang untuk melakukan atau mengikut tindakan orang lain. Selain itu, pengalaman ini juga tergolong dari sesuatu yang dipanggil sebagai kenangan yang tidak dapat dilupakan. Seperti yang kita ketahui bahawa setiap perkara atau suatu kejadian yang dilalui dan dirasai oleh seseorang itu akan diingati dan diambil ikhtibar. Begitu juga kenangan yang tidak bisa diputar kembali sama ada kenangan manis mahupun pahit. Itulah yang dipanggil sebagai kehidupan dimana pada masa kecil kita sangat menikmati keindahan alam, bersuka ria, dan bermain bersama keluarga tanpa memikirkan masalah dunia. Justeru itu, aspek pengalaman ini dapat dilihat melalui petikan teks seperti berikut:

Semenjak kecil, dan barangkali pertama kali kakinya menginjak tanah, bapanyalah yang meletakkannya di atas sawahnya. Dia sudah belajar mencintainya. Semenjak kanak-kanak lagi dia telah mencurahkan seluruh keringatnya sepanjang petak, membajak dan bermandi lumpur bersama-sama ayah ibunya.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 300)

Berdasarkan petikan teks di atas, kita dapat lihat pengalaman yang dimiliki oleh Hijrah menjadikan dia seorang yang sangat mencintai sawah. Hal ini dikatakan demikian, kerana Hijrah selalu mengingati zaman kanak-kanaknya dulu yang penuh dengan kegembiraan bersama-sama ibu bapanya. Malah tindakan yang dilakukan oleh ibu bapanya adalah untuk mendidik serta menanamkan minat anaknya terhadap sawah padi dimana anaknya lah yang akan mewarisi sawah itu dikala ibu dan bapanya sudah tiada. Sehubungan dengan itu, setiap ibu bapa ada cara yang tersendiri untuk mendidik anak-anaknya dimana tidak semua anak-anak mampu menerimanya seperti yang keluarga Cah hanya anaknya Hijrah sahaja yang berminat dengan sawah padi manakala abang sulungnya iaitu Sulaiman tidak langsung memandang sawah padi sejak kecil lagi. Berikutan dengan pengalaman yang dimiliki oleh Hijrah ini menjadikan dia seorang yang kuat dan dapat berdikari dalam menguruskan sawah padi ibunya itu. Kecekalan ibunya selepas kematian bapa Hijrah membuatkan Hijrah berganding bahu bersama Cah untuk mempertahankan maruah mereka melalui sawah padi miliknya itu dari diambil oleh pihak berkuasa bagi tujuan pembangunan.

4.3.3 Psikologi

Menurut Ida Roziana Abdullah dan Abdul Halim Ali (2019) elemen psikologi terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu pemikiran, kejiwaan (perasaan dan emosi) serta pengetahuan. Dimana, psikologi merupakan perkaitan diantara ilmu pengetahuan dengan emosi dan pemikiran. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa aspek psikologi merupakan ilmu berkenaan pemerhatian tingkah laku serta perlakuan manusia secara kritis. Sebagaimana gambaran psikologi yang terdapat di dalam *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah yang mempamerkan aspek pemikiran watak, imaginasi, keinginan, cita rasa, tekanan perasaan dan segala sesuatu yang lahir dari hati dan kata-kata watak. Sehubungan dengan itu, aksi atau reaksi seseorang itu amat sukar diramal dan ianya hanya difahami oleh diri sendiri. Justeru itu, aspek psikologi ini dapat dilihat melalui petikan teks seperti berikut:

Tak di disangkanya dia pula menjadi orang pertama berani bercakap. Seumur hidupnya dia tidak pernah pun begitu, malah mesyuarat pun tidak pernah hadir. Tiba-tiba petang kelmarin begitu jadinya. Namun dia tidak menyesal. Dia berterima kasih pada dirinya.

(*Harga Sebuah Maruah*, 2007: 13)

Berdasarkan petikan teks di atas, menyatakan bahawa aspek psikologi yang digarapkan oleh pengarang iaitu Azizi Haji Abdullah berkenaan dengan tingkah laku yang ditonjolkan sukar untuk diramal. Hal ini dikatakan demikian, kerana

psikologi seseorang hanya dapat dikawal pada diri sendiri sahaja. Namun begitu, petikan teks diatas menggambarkan bahawa psikologi juga dapat mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu di luar fikirannya. Dimana, Cah yang merupakan seorang wanita tua buat pertama kali menghadiri mesyuarat dan tiba-tiba merasakan aura untuk tampil kehadapan bagi melontarkan pendapat. Perkara ini di dorong oleh sesuatu di dalam diri seseorang dimana ianya dikawal oleh perasaan akibat terlalu lama pendam dan akhirnya dengan secara tidak langsung ianya akan berindak.

Di samping itu, aspek psikologi juga membawa kepada perasaan dan emosi seseorang dimana perkara tersebut mempunyai hubungan dengan jiwa seorang perempuan yang mudah tersentuh. Seperti yang kita ketahui, bahawa wanita ini diciptakan dengan sifat yang istimewa dari makhluk lain dimana memiliki kekuatan dan jiwa kental walau diuji dengan banyak masalah. Justeru itu, aspek psikologi ini dapat dilihat melalui petikan teks seperti berikut:

Cah tersengih sendiri. Sangat lucu ingatan itu apabila melompat dalam kotak fikirnya. Masakan Tuhan begitu zalim memutar balik ladang rezeki hamba-Nya di sini. Ternyata mendung kelabu yang mengawan di dalam kotak fikirnya itu beralih menjadi cemerlang kerana mendung itu terusir oleh angin harapan.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 61)

Berdasarkan petikan teks di atas, pengarang mengarpakan watak Cah sebagai mangsa yang teraniaya akibat sawah padinya dan penduduk kampung akan diambil

oleh pihak berkuasa bagi tujuan pembangunan. Berita yang didengarinya itu cukup menyebabkan perasaannya luluh, hancur dan bagai dirabak maruahnyanya. Hal ini dikatakan demikian, kerana sawah padi bagi Cah adalah maruahnyanya, maruah nenek moyang, serta maruah seluruh penduduk kampung Kertau. Hal ini juga menyebabkan jiwanya tak tentu arah serta emosinya sangat terganggu apabila mengingatkan perkara tersebut. Justeru itu, pengarang Azizi Haji Abdullah menerapkan aspek psikologi ini bagi menggambarkan perasaan yang dihadapi oleh Cah tatkala dirinya diuji. Namun begitu, dalam rintihan yang dilontarkan itu muncul semangat yang berkobar-kobar dan harapan yang terbina dimana beliau percaya jika hanya memikirkan masalah maka diri kita juga dalam dilema masalah namun jika memikirkan jalan keluarnya pasti masalah itu dapat diharungi dengan jayanya. Hal ini menunjukkan bahawa Cah mempunyai pemikiran yang tajam dalam melakukan sesuatu tindakan.

4.3.4 Sosial

Istilah sosial merujuk kepada kehidupan di sekeliling kita sebagai anggota masyarakat yang seringkali dikaitkan dengan hubungan manusia dalam masyarakat. Namun begitu, terdapat perbezaan antara sosial kaum lelaki dengan sosial kaum wanita apabila dicerminkan di dalam karya-karya sastera. Hal ini dikatakan demikian, kerana kaum wanita seringkali dilihat sebagai seorang yang lemah dan tidak berhak melakukan apa-apa keputusan. Begitulah perspektif masyarakat

Melayu dahulu yang seringkali meminggirkan kaum wanita. Selain itu, aspek sosial yang seringkali diterapkan di dalam karya sastra adalah pendidikan, pekerjaan, pergaulan serta tugas-tugas mereka sebagai seorang ibu, isteri anak dan sebagainya. Justeru itu, aspek sosial ini dapat dilihat melalui petikan teks seperti berikut:

“Tapi keputusan sudah dibuat, yang penting kita bertindak!” Cah yang sekian lama tidak dapat menahan perasaannya melahirkan lagi bentuk perasaan yang sama sekali tidak diduga oleh Haji Zakaria, Azmi dan orang lain. “Engkau perempuan, Cah. Kau tahukah apa yang kau katakan ini?” Haji Zakaria memperlahankan suaranya, dengan menyepet-nyepet matanya sambil tersenyum bagaikan kata-kata Cah tadi tersangat lucu.

(Harga Sebuah Maruah, 2007: 195)

Berdasarkan petikan teks di atas, aspek sosial yang diterapkan oleh pengarang adalah mengenai keupayaan yang dimiliki oleh kaum wanita yang setanding lelaki. Hal ini kerana persepsi masyarakat Melayu terdahulu mencerminkan wanita ini sebagai kaum yang lemah lembut dan sopan santun serta tidak mampu melakukan perkara di luar batasan. Namun begitu, melalui watak Cah ini jelas menyanggah persepsi tersebut dimana Cah menunjukkan sifat semangatnya melalui teriakan bahawa dirinya dan penduduk kampung Kertau harus bertindak dalam membanteras pengambilan sawah padi mereka oleh pihak berkuasa tanpa alasan yang kukuh. Tindakan Cah sedemikian rupa menyebabkan beberapa orang

terkejut terutamanya kaum lelaki yang beranggapan bahawa tindakan Cah itu sangat lucu.

4.4 KESIMPULAN

Secara tuntasnya, isu-isu feminisme yang diterapkan oleh Azizi Haji Abdullah dalam *Harga Sebuah Maruah* berorientasikan idea-idea yang digunakan adalah suatu langkah dalam memperbaiki status dan kedudukan kaum wanita dalam kelompok masyarakat. Selain itu, Azizi Haji Abdullah menerapkan aspek tanggungjawab dalam membuka minda masyarakat dan menunjukkan citra wanita ini mampu menggalas semua tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaiknya. Justeru itu, Azizi Haji Abdullah telah mengangkat isu perjuangan hak dan kepentingan wanita dalam masyarakat dalam karyanya kerana beliau mendapati bahawa kepentingan wanita tidak dititikberatkan dan impak kepada kehidupan pesawah wanita pada ketika itu dilihat tidak berdaya saing. Di samping itu, unsur-unsur feminisme turut di cangkil ke dalam novel *Harga Sebuah Maruah* yang mengangkat keperibadian serta kecekalan watak wanita utama yang mementingkan terapan semangat Melayu yang tidak mudah menyerah.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN

Setelah menjalankan kajian secara menyeluruh terhadap citra wanita dalam *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah aplikasi kritikan feminisme, penyelidik mendapati bahawa citra wanita yang diterapkan di dalam novel ini bukan sahaja memberi pengajaran dan dapat memotivasikan pembaca malah ianya menjadi contoh tauladan yang baik kepada masyarakat. Justeru, dalam bab 5 ini, penyelidik akan mengemukakan rumusan kajian, implikasi kajian dan cadangan kajian. Bahagian pertama dalam bab ini adalah rumusan kajian yang meliputi kesemua bab. Seterusnya, bahagian kedua adalah implikasi kajian mengenai citra wanita dalam *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah aplikasi kritikan feminisme terhadap pengkaji dan bidang kajian, implikasi terhadap pembaca novel dan implikasi terhadap pencipta dan penulis novel. Akhir sekali, bab ini akan mencadangkan beberapa cadangan kajian yang akan merangkumi beberapa idea yang diperoleh berdasarkan hasil kajian.

5.1 RUMUSAN KAJIAN

Bab ini akan merumuskan keseluruhan hasil kajian terhadap citra wanita dalam *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah aplikasi kritikan feminisme. Dalam sesebuah kajian, Pemilihan teori yang sesuai amat dititikberatkan kerana tidak semua teori yang digunakan relevan dengan kajian yang dilakukan. Oleh itu, teori feminisme diaplikasikan dalam kajian ini adalah untuk melihat bagaimana citra wanita dalam novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah dapat membuktikan bahawa wanita tidak selemah yang dianggap oleh golongan lelaki. Seiring dengan maksud citra iaitu suatu gambaran atau imej yang melambangkan peribadi seseorang yang menarik berdasarkan ciri-ciri yang dapat menonjolkan keindahan. Justeru, citra dalam karya sastera berperanan sebagai wadah dalam memberi penerangan bagi menyampaikan gambaran mental terhadap sesuatu yang dialami membawanya ke dalam dunia yang nyata.

Seterusnya, dalam bab satu iaitu bahagian pengenalan dapat dirumuskan bahawa dalam bab ini memberi gambaran awal terhadap kajian yang ingin dijalankan. Justeru itu, penyelidik memberikan pengetahuan yang umum mengenai kajian yang ingin dijalankan mengenai citra wanita dalam *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah aplikasi kritikan feminisme supaya pembaca dapat memahami kajian apa yang ingin dilakukan.

Selain itu, dalam bab dua iaitu sorotan kajian dapat dirumuskan bahawa sorotan kajian lepas ditemui oleh penyelidik ini merupakan kajian yang dilakukan oleh orang terdahulu yang mempunyai hubungkait dengan kajian yang dilakukan ini. Oleh hal yang demikian, bab ini memberi pendedahan serta kefahaman kepada penyelidik dalam

memahami setiap pandang sudut yang berbeza di antara penyelidik terdahulu melalui kajian yang dilakukan.

Di samping itu, dalam bab tiga iaitu metodologi kajian dapat dirumuskan bahawa setiap aspek yang diterapkan mempunyai hubungkait dengan kaedah yang dilakukan semasa kajian ini dijalankan. Kaedah kajian ini amat penting dalam sesebuah kajian yang dijalankan kerana melalui kaedah kajian ini dapat membantu penyelidik mendapatkan data-data mahupun sumber rujukan. Justeru, kaedah kajian ini juga meliputi teori yang diaplikasikan dalam kajian ini iaitu teori feminisme.

5.2 IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa citra wanita dalam *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah dapat memberi impak yang positif terhadap pembaca. Dimana, pembaca dapat mengetahui dan memahami maksud citra wanita yang dihidupkan dalam watak utama novel ini. Justeru itu, perkara ini secara tidak langsung dapat membuka mata masyarakat dan mengubah skeptikal masyarakat yang masih berfikir lapuk mengenai kebolehan wanita setanding kaum lelaki. Selain itu, implikasi kajian ini juga memberi pendedahan kepada penyelidik dimana kajian yang dilakukan ini dapat memberi ilmu yang baru berkaitan dengan citra wanita dalam novel serta teori feminisme yang diaplikasi menyedarkan penyelidik bahawa citra wanita dengan teori feminisme mempunyai hubungkait dalam mengangkat serta memartabatkan kedudukan wanita setaraf kaum lelaki. Seiring dengan bidang kajian yang diceburi iaitu sastera, kajian ini dikatakan sangat relevan

dalam membantu dan memudahkan penyelidik dalam mengolah serta memaknakan sesuatu perkara supaya ianya mudah untuk difahami. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga turut memberi kesan kepada penulis novel iaitu Azizi Haji Abdullah dalam melihat keupayaan serta kelebihan beliau dalam mengolah serta mencurahkan ilmu yang diperolehi dalam menghasilkan sesebuah karya yang dapat memberikan makna kehidupan sebenar kepada masyarakat.

5.3 CADANGAN

Berdasarkan hasil kajian yang telah dikemukakan, penyelidik akan menyatakan beberapa cadangan yang boleh dilakukan untuk penyelidik yang akan datang untuk penambahbaikan khususnya terhadap hasil penulisan iaitu dengan menggunakan bahasa yang lebih mudah difahami dalam mengolah atau menafsirkan sesuatu makna yang tersirat atau tersurat supaya pembaca dapat memahaminya dengan mudah. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa merupakan suatu yang sangat penting dalam cara untuk berkomunikasi dengan pembaca walaupun melalui penulisan. Dengan bahasa juga ianya dapat menarik pembaca untuk berada dalam dunia imaginasi yang digambarkan serta menghayati setiap perkara yang dijelaskan. Selain itu, penyelidik akan datang juga perlu memahami kajian yang dilakukan dengan baik supaya apa yang dikaji itu dapat dibahas dengan baik serta hanya menfokuskan kepada skop kajian supaya ianya tidak bercanggah atau memaknai sesuatu yang lain.

RUJUKAN

- Abdul Karim. (2014). *Feminisme: Sebuah Model Penelitian Kualitatif. Volume 10, Nombor 1, Oktober 2014.*
- Abdullah Zawawi Mohd Hairani. (2013). *Pengarang Dan Kepengarangan: Satu Penilaian Kritis Ke Atas Azizi Haji Abdullah.* Tesis p.h.D, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Afirah Osman@ Yusof (2014). *Citra wanita melayu: penelitian terhadap novel Ranjau Sepanjang Jalan dan Harga Sebuah Maruah.* Thesis Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan.
- Ajeng Ayu Paramita. (2010). *Citra Wanita Dalam Novel Tabula Rasa Karya Ratih Kumala: Tinjauan Sastra Feminis.* Tesis Sarjana Muda, Universitas Muhammadiyah Surakarta
- Andik Wahyun Muqoyyidin. (2013). *Wacana Kesetaraan Gender: Pemikiran Islam Kontemporer Tentang Gerakan Feminisme Islam. Jurnal Al-Ulum Volume. 13 Nombor 2, Desember 2013 Hal 491 – 512.*
- Audah Mannan, Andi Ferawati. (2015). *Representasi Citra Wanita Berjilbab Dalam Iklan Shampo Sunsilk Clean And Fresh Versi Risty Tagor (Analisis Semiotika Roland Barthes).* Vol 2, No 1 (2015).
- Ayu Hidayanti Ali. (2020). *Citra Wanita Dalam Novel Si Parasit Lajang Karya Ayu Utami. Jambura Journal of Linguistics and Literature Vol. 1, No. 1, Hal. 14 – 22, Juni 2020.*
- Dr. Ratna Megawangi. (1996). *Perkembangan Teori Feminisme Masa Kini Dan Mendatang Serta Kaitannya Dengan Pemikiran Keislaman. Jurnal Tarjih Dan Pengembangan Pemikiran Islam.*

- Endang Ratih E.W., Malarsih, Wahyu Lestari. (2005). *Citra Wanita Dalam Pertunjukan Kesenian Tayub (The Woman Image In The Tayub Art Performance)*. *Harmonia: Jurnal Pengetahuan Dan Pemikiran Seni Vol. Vi No. 2/Mei-Agustus 2005*.
- Erianjoni. (2011). Pergeseran Citra Wanita Minangkabau: Dari Konsepsi Ideal-Tradisional Ke Realitas. *Jurnal Ilmiah Kajian Gender*.
- Evi Marlina Harahap. (2014). *Citra Wanita Dalam Novel Kesturi Dan Kepodang Kuning Karya Afifah Afra : Analisis Sastra Feminis*. Master Tesis, Universitas Sumatera Utara Medan.
- Hasindah Mawarni. (2019). *Citra Wanita Tokoh Utama Dalam Novel Cerita Tentang Rani Karya Herry Santoso Kajian Kritik Sastra Feminis*. Tesis Sarjana Muda, Universitas Negeri Semarang.
- Kasmiati Drs. Elmustian, M.A. Hadi Rumadi, S.Pd, M.Pd. (2013). *Citra Perempuan Dalam Novel Habibie Dan Ainun Karya Bacharuddin Jusuf Habibie*. *Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia FKIP Universitas Riau Pekanbaru*.
- Khoirul Faizain. (2007). Mengintip Feminisme Dan Gerakan Perempuan. *Jurnal Kesetaraan dan Keadilan Gender (Vol 2, No 1; 2007)*.
- Lina Amalina. (2012). *Citra Wanita Dalam Novel Surat Buat Themis Karya Mira W : Tinjauan Sastra Feminis*. Tesis Sarjana Muda, Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Lizawati. (2015). Analisis Citra Wanita Dalam Novel Perempuan Jogja Karya Achmad Munif. *Jurnal Pendidikan Bahasa, Vol. 4, No. 2, Desember 2015*.
- Maryam Habibah Kamis Indriaty Ismail (2015). Tema-tema Feminisme dalam Novel-novel Nawal El Saadawi. *ISLAMIYYAT 37(2) 2015: 107 – 112*.
- Maulana Zulfa. (2015). *Eksistensi Perempuan Pejuang Dalam Novel Wanita Bersabuk Dua Karya Sakti Wibowo Kajian Feminisme Eksistensial*. Tesis Sarjana Muda, Universitas Negeri Semarang.

- Mentari Asih Lina Ayu Safitri (2017), dalam artikel bertajuk Kajian Feminisme Terhadap Novel Perawan Remaja Dalam Cengkeraman Militer Karya Pramoedya Ananta Toer. *Jurnal Pendidikan Dan Pembelajaran Khatulistiwa vol 6, No 10 (2017)*.
- Mohd Zain Kosnon. (2017). *Perubahan keluarga dan masyarakat kesan pembangunan negara berdasarkan novel pilihan Azizi Haji Abdullah*. Thesis Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muashomah. (2010). Analisis Labelling Perempuan Dengan Teori Feminisme Psikoanalisis: Studi Kasus Majalah Remaja Olga!. *Jurnal Komunitas Vol 2, No 2 (2010)*. Ni Luh Kadek Richa Dwitasari, I Dewa Gede Windhu Sancaya, Ni Made Suryati (2016).
- Citra Wanita Penyihir Dalam Novel Ratna Tribanowati Karya I Made Sugianto: Suatu Kajian Kritik Sastra Feminis. *Jurnal Humanis, Fakultas Ilmu Budaya Unud Vol 16.1 Juli 2016: 196 –203*.
- Ninawati Syahrul. (2013). Citra Perempuan Dalam Kaba Anggun Nan Tungga Karya Amba Mahkota. *Jurnal Kajian Sastra Jentera, Vol 2, No 2 Desember (2013)*.
- Noor Aida Mahmor, Nasihah Hashim. (2015). Citra Wanita Melayu Dalam Cerita Animasi Kanak-Kanak Upin Dan Ipin. *Proceeding - Kuala Lumpur International Communication, Education, Language and Social Sciences 1 (KLICELS 2), 17 – 18 October, 2015*.
- Noor Salawati Abu Bakar, Zubir Idris, Shaiful Bahri Md. Radzi. (2021). Perspektif Sosio Ekonomi Masyarakat Dalam Novel-Novel Terpilih Karya Azizi Abdullah. *Jurnal Melayu Bil. 20 (1) 2021*.
- Norafaizah Ghazali, Failah Husin (2018). Bahasa dan Feminisme dalam Filem Shuhaimi Baba. *Malaysian Journal of Communication Jilid 34(2) 2018: 374-388*.
- Nor Hasimah Ismail, Nordiana Ab. Jabar, Melor Fauzita Md Yusoff, Maizatul Azura Yahya. (2019). Citra Wanita dan Nilai Murni Dalam Karya Adaptasi. *Proceeding of*

The ICECRS Vol 3 (2019): Global Education: Perspectives, Innovations, Issues, and Challenges Articles

- Nuril Hidayati (2018). Teori Feminisme: Sejarah, Perkembangan dan Relevansinya dengan Kajian Keislaman Kontemporer. *Jurnal Harkat : Media Komunikasi Gender*, 14 (1), 2018, 21-29.
- Nursham BT Abdul Aziz. (2015). *Novel-Novel Terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajian Intertekstualiti*. Tesis p.h.D, Universiti Malaya.
- Oni Susanto (2017). Representasi Feminisme Dalam Film “Spy”. *Jurnal E-Komunikasi* Vol 5, No 1 (2017)
- Pramilah A/P Kuppusamy. (2021). *Citra, Perjuangan Dan Kedudukan Wanita Dalam Cerpen Terbitan Akhbar Makkal Ōsai*. P.h.D Tesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ratih Prioritasari. (2013). *Citra Wanita Tokoh Utama Novel Ronggeng Karya Dewi Linggasari Dan Skenario Pembelajarannya Di Sma*. Master Tesis, Universitas Muhammadiyah Purworejo.
- Ravindaran a/l Maraya, Krishnan Maniam. (2017). Citra Wanita Dari Purana Dan Epik Dalam Cerpen Tamil Malaysia: Dari Perspektif Arketaipal. *SARJANA* Vol. 32, No. 2, December 2017, pp. 29-37
- Riyan Susilo Putri, Abdurahman, Bakhtaruddin. (2013). *Citra Tokoh Wanita Dalam Novel Aku Bukan Budak Karya Astina Triutami*. Universitas Negeri Padang.
- Rizky Hafiz Chaniago & Fuziah Kartini Hassan Basri. (2012). Citra Wanita Dalam Perkembangan Muzik Dangdut Di Indonesia. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* Jilid 28(2): 137-150.
- Siti Khariah Mohd Zubir (2015). Unsur Feminisme dalam Pantun Melayu. *Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*.

Siti Khariah Binti Mohd Zubir. (2004). *Citra Wanita Dalam Novel-Novel Melayu Daripada Perspektif Pengarang Wanita*. P.h.D Tesis, Universiti Putra Malaysia.

Siti Khariah M.Zubir. (2012). Analisis Citra Usahawan Wanita dalam Novel-Novel Melayu. *Jurnal Perspektif Vol. 4 No. 2 (Nov. 2012) 44-5*.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2012). Apabila Teori Feminis Ternyata Tidak Diperlukan: Satu Kajian Kes. *Journal of Language Studies Volume 12(4), November 2012*.

